



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

PROGRAM Sanggar Puisi PERPADUAN 2024

Perpaduan Dirai, Bahasa Disantuni

KARYA
PERTANDINGAN
PENULISAN PUISI
YANG TERPILIH

Syair



PROGRAM
Sanggar
Puisi PERPADUAN 2024
Perpaduan Dirai, Bahasa Disantuni

KARYA
PERTANDINGAN
PENULISAN PUISI
YANG TERPILIH
Syair

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
KUALA LUMPUR
2025

Terbitan Pertama (Elektronik): 2025

Hak Cipta@Perpustakaan Negara Malaysia 2025

Hak cipta terpelihara Perpustakaan Negara Malaysia 2025. Tiada bahagian terbitan ini boleh diterbitkan semula atau ditukarkan dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan sebagainya sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia.

Diterbitkan oleh:

Perpustakaan Negara Malaysia

232, Jalan Tun Razak

50572 Kuala Lumpur



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia

eISBN 978-967-931-394-9

POSTER

Program Sanggar Puisi Perpaduan 2024: Perpaduan Dirai, Bahasa Disantuni



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

PROGRAM
Sanggar
Puisi PERPADUAN
2024
Perpaduan Dirai, Bahasa Disantuni

**5 NOVEMBER
2024 (Selasa)**
9.00 pagi hingga 1.00 tengah hari
Grand Ballroom, Hotel Seri Pacific,
Kuala Lumpur

**SIARAN
LANGSUNG**
PNN TV CHANNEL

Dengan Kerjasama

KEMENTERIAN PENDIDIKAN
KEMENTERIAN PERPADUAN
MALAYSIA MADANI

YB DATUK AARON AGO DAGANG
MENTERI PERPADUAN NEGARA

www.pnm.gov.my | PerpustakaanNegaraklasia | PNM_Rasmi | pnm_rasmi | pnm_rasmi | PNM_Rasmi | pnm_rasmi | pnm_rasmi

Program Sanggar Puisi Perpaduan 2024: Perpaduan Dirai, Bahasa Disantuni telah dirasmikan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang pada 5 November 2024 (Selasa) di Grand Ballroom, Hotel Seri Pacific, Kuala Lumpur.



KANDUNGAN

Poster Sanggar Puisi Perpaduan 2024: Perpaduan Dirai, Bahasa Disantuni	iii
Seuntai Kata, Seulas Bicara	vii
Jawatankuasa Penerbitan	ix
Pengenalan	1
Poster Pertandingan Penulisan Puisi (Syair)	3
Karya Pemenang Pertandingan Penulisan Puisi (Syair)	5
i. Kategori Dewasa	7
ii. Kategori Remaja	17
Karya Pertandingan Penulisan Puisi Yang Terpilih (Syair)	
i. Kategori Dewasa	27
ii. Kategori Remaja	133



SEUNTAI KATA, SEULAS BICARA

Saya merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah S.W.T. kerana dengan izin dan rahmatNya, e-buku Karya Pertandingan Penulisan Puisi Yang Terpilih (Syair) sempena Program Sanggar Puisi Perpaduan 2024: Perpaduan Dirai, Bahasa Disantuni ini dapat disempurnakan penerbitannya seperti yang telah dirancang. Program ini bertujuan untuk menyemarak dan membugarkan budaya membaca menerusi wahana sastera dan budaya.

E-buku ini adalah sebagai satu penghargaan kepada peserta-peserta pertandingan atas kesudian mereka menyertai Pertandingan Penulisan Puisi yang telah diadakan selama sebulan mulai 15 September 2024 sehingga 15 Oktober 2024. Karya puisi yang terpilih telah dimuatkan dalam e-buku ini adalah karya terpilih pada peringkat awal. Karya dalam e-buku ini merupakan himpunan karya penulisan pertandingan untuk dua kategori iaitu kategori dewasa dan kategori remaja.

Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) melalui Pusat Rujukan Malaysiana dan Luar Negara (PRMLN) sangat mengalu-alukan penyertaan para pembaca untuk setiap program, aktiviti dan pertandingan yang dilaksanakan oleh PNM kelak.

Saya mengucapkan tahniah kepada PRMLN atas penghasilan e-buku ini dan harapan saya agar himpunan karya pertandingan puisi ini akan kekal terpelihara sebagai warisan intelektual negara serta menjadi rujukan generasi masa kini dan masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

Edy Irwan bin Zulkafli

Ketua Pengarah

Perpustakaan Negara Malaysia



JAWATANKUASA PENERBITAN e-BUKU

**KARYA PERTANDINGAN PENULISAN PUISI YANG TERPILIH (SYAIR) SEMPENA
PROGRAM SANGGAR PUISI PERPADUAN 2024: PERPADUAN DIRAI, BAHASA DISANTUNI**

Penasihat	:	Encik Edy Irwan bin Zulkafli
Ketua Penyelaras	:	Puan Anisatul-Wahidah binti Abdul Wahid
Penyelaras	:	Puan Katrun Nada binti Haji Hashim
Ketua Projek	:	Encik Razman bin Abd Rani
Penolong Ketua Projek	:	Cik Nurzuliyana Nasuha binti Zulkefli
Editor	:	Cik Anis Farhain binti Azman
Penyusun	:	Puan Ku Rohana binti Ku Hamid Puan Nurhani binti Kamaludin Cik Nurul Aimie binti Azmi Puan Norliza binti Din
Reka Bentuk	:	Encik Mohd Aqif Fikri bin Sulaiman



PENGENALAN

Penghasilan e-buku ini merupakan penghargaan kepada para peserta pertandingan atas kesudian mereka menyertai Pertandingan Penulisan Puisi (Syair) bersempena Program Sanggar Puisi Perpaduan 2024: Perpaduan Dirai, Bahasa Disantuni yang telah diadakan selama sebulan mulai 15 September 2024 hingga 15 Oktober 2024 yang telah menerima sebanyak 213 karya syair dalam kategori dewasa dan remaja. Karya-karya syair dalam e-buku ini adalah hasil daripada penilaian para hakim, dengan 102 karya yang diterima dalam kategori dewasa dan 70 karya dalam kategori remaja.

Penerbitan ini diterbitkan dalam bentuk elektronik bagi memudahkan ia diakses oleh generasi masa kini di mana maklumat boleh diperoleh diujung jari. Kandungannya yang ringkas dan tidak terlalu padat dirasakan amat bersesuaian dan memudahkan para pembaca.

Penerbitan ini juga diharap menjadi medium penghubung antara para pembaca dan Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dalam menyemai dan seterusnya memartabatkan budaya membaca. PNM juga akan sentiasa memelihara dan mempelbagaikan bahan koleksi agar menjadi wasilah bagi membangun peradaban bangsa.

Jawatankuasa Penerbitan

e-Buku Karya Pertandingan Penulisan Puisi Yang Terpilih (Syair)

**Bersempena Program Sanggar Puisi Perpaduan 2024: Perpaduan Dirai,
Bahasa Disantuni**

Pusat Rujukan Malaysiana dan Luar Negara (PRMLN)



POSTER PERTANDINGAN PENULISAN PUISI (SYAIR)

**Pertandingan
PENULISAN
SYAIR**

Sila imbas kod QR

**TEMPAT PERTAMA
RM800.00**

**TEMPAT KEDUA
RM500.00**

**TEMPAT KETIGA
RM300.00**

**SAGU HATI
RM100.00
X 5 PEMENANG**

TERBUKA KEPADA KATEGORI DEWASA DAN REMAJA

TEMA : PERPADUAN

TARIKH PENYERTAAN 15 SEPTEMBER - 15 OKTOBER 2024

Untuk dihubungi
e-mel : prmln@pnm.gov.my

www.pnm.gov.my [PerpustakaanNegaraMalaysia](#) [PNM_Rasmi](#) [pnm_rasmi](#) [pnmytube](#) [PNMrasmi](#) [pnmsaluranSosial2](#) [pnm_rasmi](#)

KARYA PEMENANG PERTANDINGAN PENULISAN PUISI

Syair

Sempena

PROGRAM SANGGAR PUISI PERPADUAN 2024:
PERPADUAN DIRAI, BAHASA DISANTUNI



KARYA PEMENANG PERTANDINGAN PENULISAN PUISI (SYAIR) KATEGORI DEWASA

	NAMA	NAMA KARYA
JOHAN	NUR AZLAN BIN ZAINUDDIN	SYAIR MARI BERSATU
NAIB JOHAN	AHMAD BIN HARUN	SYAIR PERPADUAN ERAT
TEMPAT KETIGA	NURULHUDA BINTI JAMALUDDIN	SYAIR PERPADUAN TUNGGAK MASYARAKAT MADANI
SAGU HATI 1	ROHANA BINTI YAHYA	SYAIR CERITERA PERPADUAN
SAGU HATI 2	BAHARUDDIN BIN SAIRI	SYAIR WARNA PERPADUAN
SAGU HATI 3	ZALIHA BINTI SENIK	SYAIR RUMPUN HARMONI
SAGU HATI 4	ABDUL HANNAN BIN ABDUL RAHMAN	SYAIR PERPADUAN KEMAKMURAN NUSA
SAGU HATI 5	AINUN NASIBAH BINTI JOHAR	SYAIR KITA SERUMPUN



JOHAN

SYAIR MARI BERSATU

Lafaz Bismillah pembuka kata,
Semoga indah syair tercipta,
Kisah Malaysia bumi tercinta,
Bebas merdeka sudah ternyata.

Rakyat Malaysia berbilang bangsa,
Hidup bersama dengan sentosa,
Bertimbang rasa setiap masa,
Penuh beradap, berbudi bahasa.

Demi menjaga daulat negara,
Semua berjuang tanpa berkira,
Tak pernah undur, sentiasa mara,
Sanggup berkorban jadi perwira.

Saat bencana datang melanda,
Mangsa terkesan tersesak dada,
Rakyat Malaysia sama senada,
Turun membantu tanpa bertunda.

Melayu, India dan juga Cina,
Elak berbalah, saling menghina,
Jikalau ada yang tidak kena,
Selesaikan dengan bijaksana.

Keamanan ini bukan percuma,
Harganya darah pejuang lama,
Mari pertahankan bersama-sama,
Tak kira bangsa atau agama.

Sekian saja syair dikarang,
Buat renungan semua orang,
Sifat bersatu usah berkurang,
Semoga hidup terus gemirang.



Oleh:
Nur Azlan bin Zainuddin

NAIB JOHAN
SYAIR PERPADUAN ERAT

Dengarkan ini syair dendangan,
Perpaduan erat tajuk karangan,
Bersatu hati berpimpin tangan,
Rela menempuh segala rintangan.

Rukun Negara kekal dijunjung,
Bibit sengketa takkan berkunjung,
Perpaduan erat tiada penghujung,
Tanpa mengharap puja dan sanjung.

Bangsa Madani bangsa berhemah,
Matang berfikir tindakan berhikmah,
Bagai pagar memagari rumah,
Pantas menangkis nista dan tohmah.

Bangsa Madani berjiwa merdeka,
Berpandangan jauh berfikiran terbuka,
Perpaduan dijaga elak tergores luka,
Aman makmur tanah pusaka.

Perayaan kaum saling kunjung,
Santun berbudi bersama kenangi,
Silaturahmi terjalin harum mewangi,
Perpaduan erat bagai jalur pelangi.

Selesai sudah hamba berperi,
Sampai masanya mengundur diri,
Perpaduan erat kukuh terpatери,
Restu Ilahi mekar berseri.



Oleh:
Ahmad bin Harun



TEMPAT KETIGA

SYAIR PERPADUAN TUNGGAK MASYARAKAT MADANI

Bismillah dimula madah bicara,
Alunan syair merdu suara,
Pelbagai kaum cerminan citra,
Perpaduan teguh demi negara.

Tangan digenggam tanda sekata,
Harmoni hidup biar serata,
Mulut manis pabila berkata,
Janganlah suka menabur nista.

Janganlah kita saling sakiti,
Perangai buruk harus dihenti,
Jangan dilengah ternanti-nanti,
Perlulah kita bersatu hati.

Tingkah buruk sangat tercela,
Sedari kecil jangan dimula,
Porak peranda jauhi segala,
Janganlah kita ikuti pula.

Tutur kata perlu dijaga,
Hindari tabiat suka melaga,
Budi bahasa amat berharga,
Sikap sombong jangan dibangga.

Pupuklah nilai saling hormati,
Semai sikap suka berbakti,
Masyarakat madani terbentuk pasti,
Pastilah muncul bahagia nanti.

Akhir bicara sebelum berhenti,
Seruan ini harus diikuti,
Nilai murni tersemat di hati,
Barulah negara akan dihormati.



Oleh:
Nurulhuda binti Jamaluddin

SAGU HATI 1

SYAIR CERITERA PERPADUAN

Oleh: Rohana binti Yahya

Lafaz Bismillah pembuka kata,
Indah gubahan syair dicipta,
Perpaduan kaum isi cerita,
Sirnakan benci semaikan cinta.

Rakyat Malaysia etnik berbilang,
Tautan ukhuwah erat kepalang,
Warna kulit bukan penghalang,
Semarak warga terus gemilang.

Pelbagai kaum hidup harmoni,
Azam semangat kental berani,
Teguh bersatu persis kersani,
Jiwa merdeka masyarakat madani.

Berbeza agama, adat dan budaya,
Berbaik sangka saling percaya,
Gembleng tenaga sepenuh daya,
Berganding bahu ke mercu jaya.

Sama menjaga tanah warisan,
Mengejar cita gapai wawasan,
Satu suara satu gagasan,
Langkah sederap dalam barisan.

Bertolak ansur dan persefahaman,
Akhlag nirmala sifat budiman,
Minda bestari sepanjang zaman,
Menjadi kunci negara aman.

Tinggalan moyang bumi keramat,
Kongsi rezeki melimpah rahmat,
Warga sejahtera itu matlamat,
Perpaduan dijaga bagai azimat.



SAGU HATI 2

SYAIR WARNA PERPADUAN

Oleh: Baharuddin bin Sairi

Syair dikarang di malam hari
Tema perpaduan juga diberi
Sunyi malam mengisi hati
Demi negara yang amat dicintai.

Perpaduan rakyat jadi agenda
Teguh mengakar di tanah jiwa
Pelbagai bangsa hidup bersama
Tanpa mengira warna budaya.

Hidup bersama jadi wawasan
Tolong-menolong sesama insan
Kemakmuran negara jadi idaman
Hidup rukun sepanjang zaman.

Masyarakat madani impian negara
Ekonomi berkembang akhlak dijaga
Kemajuan hidup dinikmati bersama
Tanpa mengira paras dan rupa.

Warna budaya menjadi pujian
Baju batik pakaian warisan
Lambang perpaduan warga idaman
Negara maju menjadi wawasan.

Bahasa kebangsaan teras perpaduan
Bahasa rasmi di semua jabatan
Mengerat hubungan sesama insan
Saling muafakat demi kejayaan.

Warna kepercayaan tiada halangan
Hormat-menghormati jadi amalan
Pandangan warga ada batasan
Kesejahteraan rakyat jadi keutamaan.

Sampai di sini hamba nukilkan
Syair perpaduan hamba kongsi
Syair dihidang hamba persembahkan
Nasihat baik jadikan pedoman.



SAGU HATI 3

SYAIR RUMPUN HARMONI

Oleh: Zaliha binti Senik

Marilah tuan dengarkan peri,
Syair dikarang inti pelajari,
Buat pedoman membentuk diri,
Perpaduan tunjang kemakmuran negeri.

Sepakat menjaga tunas penyatuan,
Berbaja hasil harmoni tujuan,
Mampu hindar segala keraguan,
Dalam jiwa penuh kekacauan.

Perpaduan tunjang dalam keluarga,
Asas kukuh sama menjaga,
Bersulam sayang jiwa dan raga,
Tiada terbayar sebarang harga.

Damai berkilau pabila bersatu,
Ibarat cahaya di jalan buntu,
Menjadi penerang sudahlah tentu,
Masyarakat harmoni jiwanya jitu.

Bertolak ansur tutur bicara,
Sopan dijaga agar sejahtera,
Saling hormat satu antara,
Rakyat berpadu maju negara.

Berbilang kaum hidup sepakat,
Bagai lidi satu pegikat,
Hati jauh mula mendekat,
Rumpun harmoni beroleh berkat.

Sama jiran saling hormati,
Bila bicara jagalah hati,
Saat susah bertamu nanti,
Jiran cakna bahagia pasti.

Walau hidup berbeza budaya,
Harus hargai sehabis daya,
Amal toleransi selagi upaya,
Perpaduan pasti ke mercu jaya.



SAGU HATI 4

SYAIR PERPADUAN KEMAKMURAN NUSA

Oleh: Abdul Hannan bin Abdul Rahman

Kalam Bismillah pembuka kata,
Kepada Allah penguasa semesta,
Memandu hati yang penuh cinta,
Rai perpaduan seluruh jelata.

Perpaduan nusa tonggak utama,
Berbilang kaum hidup bersama,
Agama pelbagai tetap terima,
Membangun negara penuh kama.

Bagaikan hutan penuh tumbuhan,
Akar berpaut teguh nan tahan,
teguhnya bangsa menjadi burhan,
Mengukuh harmoni, sentiasa johan.

Laksana lautan luas terbentang,
Rakyat bersatu tiada terbuang,
Agama pelbagai tetap disandang,
Malaysia makmur takkan terhalang.

Bagai mentari menyinari bumi,
Hidup harmoni itulah resmi,
Berpada hati tiada kompromi,
Menjamin masa depan yang bersemi.

Kayanya bangsa berpadu daya,
Agama berbeza mencorak upaya,
Mencari serasi menongkah budaya,
Bersatu hati saling percaya.

Bak gunung tinggi menjadi bukti,
Rakyat bersatu tak pernah henti,
teguh perpaduan berpasak bakti,
Membawa makmur kesatuan sejati.

Perpaduan rakyat jadi pedoman,
Kemakmuran dicapai bersama teman,
Dengan empati dan kesefahaman,
Syukur dipanjat sepanjang zaman.



SAGU HATI 5

SYAIR KITA SERUMPUN

Oleh: Ainun Nasibah binti Johar

Nama Ar-Rahman pemula madah,
Syair dialun irama indah,
Serumpun berpadu menjadi wadah,
Gagah melangkah walau tak mudah.

Bila serumpun kita bersama,
Pastinya banyak munculnya dogma,
Persefahaman ujian menjelma,
Adil berunding langkah utama,

Lihatlah pada serumpun buluh,
Ada induk yang dahulu tumbuh,
Hormati mereka usah bertingkuh,
Nasihat yang tua itu penyuluh.

Hendaklah jaga rebung yang muda,
Lenturlah dengan cara berbeda,
Tegaskan suara lembutkan nada,
Kasih dicurah penuhi dada.

Sekitar rumpun sama dijaga,
Rumput menjalar dicantas juga,
Pagar nan kukuh ampuh disangga,
Anasir luar ditapis geliga.

Dalam kita hidup serumpun,
Suburkan watak insan pengampun,
Dosa dan salah usah dihimpun,
Suasana aman tidakkan rapun.

Bantu-membantu amal selalu,
Buatlah baik janganlah malu,
Marah dan buru usah melulu,
Perpaduan rawat apa yang ngilu.





KARYA PEMENANG PERTANDINGAN PENULISAN PUISI (SYAIR) KATEGORI REMAJA

	NAMA	NAMA KARYA
JOHAN	AISY BASRI BIN MOHD BAKRI	SYAIR UNTAIAN KASIH DI NURANI BANGSA
NAIB JOHAN	SANGEETA A/P SELVAKUMAR	SYAIR BERSAMA MENUJU KEJAYAAN
TEMPAT KETIGA	MOHAMMAD HAZIM BIN BOLHASSAN	SYAIR HARMONI DALAM KEHIDUPAN BERSAMA
SAGU HATI 1	NIK AHMAD AFIQ ISRA BIN NIK MUHAMAD NORISAM	SYAIR SYARAT HIDUP SENTOSA
SAGU HATI 2	MOHAMAD KHAIRUL HILMI BIN MUSTAPHA	SYAIR HARGA SEBUAH PERPADUAN
SAGU HATI 3	MUHAMMAD HARIS FIRDAUS BIN MOHD KHAIRUDDIN	SYAIR TAUTAN SERUMPUN
SAGU HATI 4	MUHAMMAD AZIZI BIN MOHD NOOR	SYAIR TIADA PEMISAH ANTARA KITA
SAGU HATI 5	SITI SARAH BINTI DZULKIFLI	SYAIR LUAHANKU



JOHAN

SYAIR UNTAIAN KASIH DI NURANI BANGSA

Ambal Madani hendak disulam,
Di lubuk nurani cinta terkalam,
Benang kompromi bak cahaya nilam,
Toleransi pertiwi disusun mendalam.

Tabir paduan aneka warna,
Dijahit sepadan hiasan astana,
Sirah teladan sama dicakna,
Perteguh ikatan agung laksana.

Tatkala kusut untaian kasih,
Pesimis merenggut fahaman selisih,
Usah terhasut kelak menyisih,
Pimpinan diturut noda dibersih.

Jarum muafakat disembat teliti,
Menyirat berkat menyatu di hati,
Aspirasi hebat dicanting pekerti,
Di wadah sejagat tulus berbakti.



**Oleh:
Aisy Basri bin Mohd Bakri**

NAIB JOHAN

SYAIR BERSAMA MENUJU KEJAYAAN

Indahnya dunia bila bersatu,
Hidup bersama tiada yang pilu,
Walau berbeza kita bertemu,
Hati senada takkan keliru.

Berbagai bangsa dalam negeri,
Bahasa berlainan bukanlah duri,
Perpaduan kita terikat rapi,
Menuju kejayaan takkan berhenti.

Bersama kita mengharungi masa,
Biar berliku penuh onak bisa,
Selagi bersatu hati dan rasa,
Tiada yang mampu memecah rasa.

Di kala susah kita berganding,
Di waktu senang tetap berunding,
Kerana perpaduan tiada yang asing,
Negara makmur, rakyat seiring.



Oleh:
Sangeeta a/p Selvakumar



TEMPAT KETIGA

SYAIR HARMONI DALAM KEHIDUPAN BERSAMA

Perpaduan umpama serai dan sirih,
Semua bersaudara, tidak kira bersilih,
Tanamkan rasa sayang dan kasih,
Hidup harmoni tidak akan berselisih

Keharmonian hidup semakin erat,
Tiada musuh yang boleh mendekat,
Tiada yang gentar, tiada yang penat,
Bersatu hati membawa berkat.

Perpaduan itu kunci muafakat,
Menghadapi dugaan dengan semangat,
Hidup bersama penuh berkat,
Mencapai bersama cita-cita hebat.

Bila tiada lagi muafakat kita,
Hidup manusia penuh sengketa,
Hilang sudah cita-cita,
Kehidupan jadi penuh derita.

Satu persatu mimpi sirna,
Perpaduan tiada lagi makna,
Perpecahan mengundang bencana,
Menghancurkan Impian yang kita bina.

Mari semua rakan dan taulan,
Marilah kita jaga perpaduan,
Bersatulah kita dalam perjuangan,
Membina negara Sejahtera kehidupan.



**Oleh:
Mohammad Hazim bin Bolhassan**



SAGU HATI 1

SYAIR SYARAT HIDUP SENTOSA

Oleh: Nik Ahmad Afiq Isra bin Nik Muhamad Norisam

Dengarlah kalian hamba berpesan,
Tak kira bawahan juga atasan,
Walaupun kalian merasa bosan,
Dengarlah ia jua tanpa alasan.

Kaulah hendak hidup sentosa,
Dalam masyarakat berbilang bangsa,
Ada syarat yang perlu bisa,
Kalian tunaikan senantiasaa.

Syarat pertama jangan sengketa,
Kelak nanti semua menderita,
Jagalah segala tutur kata,
Barang yang buruk usah dicerita.

Syarat kedua mesti hormati,
Tak kira yang hidup ataupun mati,
Lain orang lainlah hati,
Kalau dilanggar perang menanti.

Syarat ketiga jagalah budi,
Laksana menatang air di kendi,
Kelak dipandang seorang yang hamdi,
Baik pekerti orang pun sudi.

Syarat keempat perlulah jaga,
Aib dan malu seorang warga,
Seperti terjatuh di atas tangga,
Sungguh tiap orang punyalah harga.

Syarat kelima ku pinta kamu,
Bantu-membantu tanpa rasa jemu,
Seperti ketika temasya jamu,
Sifat muafakat pasti kau temu.

Sekian sahaja dari si hina,
Walau sikit ku anggap bermakna,
Jadi pendinding dari bahana,
Hidup sentosa masyhur sebuana.



SAGU HATI 2

SYAIR HARGA SEBUAH PERPADUAN

Oleh: Mohammad Khairul Hilmi bin Mustapha

Tiada harta lebih berharga,
Dari perpaduan sebuah negara,
Yang berbeza ras agama,
Namun gembira bila bersama.

Berbeza budaya bukan penghalang,
Malah disambut dan dijulang,
Kerana cintaku bukan kepalang,
Sudah tersemat dalam temulang.

Tiba masanya kita diuji,
Jangan lancang mulut mengeji,
Ingatlah semula kepada janji,
Kita bersatu dia bawah panji.

Walau berliku jalan berduri,
Perpaduan ini kekal berseri,
Terpahat muafakat di sanubari,
Kekal mekar di kemudian hari.



SAGU HATI 3

SYAIR TAUTAN SERUMPUN

Oleh: Muhammad Haris Firdaus bin Mohd Khairuddin

Tautan serumpun teguh tersulam,
Kasih terjalin tiada terpadam,
Berbeza rupa bukanlah dendam,
Hati berpadu teguh terpendam.

Warisan nenek moyang berakar,
Di tanah pusaka sentiasa mekar,
Bersatu padu jiwa berpagar,
Menjulung bangsa mawaddah tersebar.

Sirih berlipat tanda bersatu,
Sehati teguh di tanah satu,
Tiada terlerai janji nan padu,
Tautan serumpun megah selalu.

Hikmah hidup jangan dilupa,
Damai bersama aman sentosa,
Bangsa bersatu kekal sejahtera,
Serumpun kita hingga selamanya.



SAGU HATI 4

SYAIR TIADA PEMISAH ANTARA KITA

Oleh: Muhammad Azizi bin Mohd Noor

Rasional jiwa kerana toleransi,
Bertolak ansur saling melengkapi,
Segala konflik punya solusi,
Rakyat prihatin tiada tersakiti.

Dari Semenanjung hajat bermula,
Hingga Borneo terungkap kata,
Kebersamaan penuh cita-cita,
Melangkaui batasan kita sejiwa.

Berlainan kaum bukan rintangan,
Berbeza bangsa tiada sekatan,
Tetap terutus jua keharmonian,
Yang selamanya akan berkekalan.

Ukirkan selalu senyuman manis,
Dipandang elok tiada terguris,
Tidak sesekali jalinan menipis,
Pahit perit pasti terhakis.

Tetap peka bersengkang mata,
Perihal semasa tiadalah alpa,
Jiwa prihatin tanggungjawab terlaksana,
Supaya sejahtera terjamin sentiasa.



SAGU HATI 5

SYAIR LUAHANKU

Oleh: Siti Sarah binti Dzulkifli

Berkata syair penuh bermadah,
Membawa pesan kasih nan indah,
Perpaduan kita takkan goyah,
Walau diuji ribut yang gagah.

Berbeza bangsa bukan penghalang,
Hati berpadu tiada terbilang,
Kasih dan sayang terus berkembang,
Menyatu bangsa menolak perang.

Adat dan budaya kita junjung,
Menjadi lambang bangsa dijunjung,
Bersama kita bahtera dijulang,
Menuju puncak mencapai gemilang.

Di bumi ini kita berpijak,
Satu jiwa dalam maruah bijak,
Bersama kita mengorak langkah,
Meniti perpaduan yang teguh nan kukuh.

Jangan dibiarkan sengketa menghimpit,
Kasih disulam menjadi ralit,
Marilah kita bersatu berpaut,
Dalam naungan negara yang kudus.

Perpaduan ini milik bersama,
Mewarnai hidup tiada terleka,
Menjunjung amanah hati terbuka,
Bersama kita hingga ke syurga.



KARYA PERTANDINGAN PENULISAN PUISI YANG TERPILIH

Syair

Kategori Dewasa

SEMPENA
PROGRAM SANGGAR PUISI PERPADUAN 2024:
PERPADUAN DIRAI, BAHASA DISANTUNI

SYAIR BERSATU BANGSA

Oleh: Noraila binti M Noor

Dengarlah tuan hamba berperi,
Bersatu bangsa judul diberi,
Malaysia makmur malar berseri,
Maju buana aman lestari.

Sedari kecil hingga dewasa,
Hidup sebumbung berbilang bangsa,
Saling hormati amal sentiasa,
Puluhan tahun hidup sentosa.

Walau berbeza asal negara,
Warga majmuk berputik gembira,
Pelbagai resepi berkongsi selera,
Masyarakat unik bumi sejahtera.

Identiti bangsa penuh berseni,
Aneka busana berwarna-warni,
Gerak tarian menghibur nurani,
Bergabung rentak cipta harmoni.

Berbilang kaum berkembang ramai,
Warganegara saling berdamai,
Bertolak-ansur sering disemai,
Bertunas bahagia tenang dan permai.

Lambang negara jalur gemilang,
Laungan merdeka bendera dijulang,
Perpaduan asas rakyat cemerlang,
Cipta kejayaan watan terbilang.

Syair kukarang usailah sudah,
Segala cabaran sama diredah,
Terus berbudi bersulam akidah,
Bagai kesuma meraksi indah.



SYAIR PERPADUAN SEJATI

Oleh: Raja Mahani binti Raja Mohamed Ali

Dunia kaget tertanya-tanya,
Tiadakah noda tiadakah sengketa,
Mampukah menepis adu dan domba,
Bertilang bangsa utuh bahagia.

Berbeza budaya bukan halangan,
Bebas bersuara juga pandangan,
Jurang kecil diperbesar jangan,
Didakap erat kemilau perpaduan.

Sesama kita hendaklah hormat,
Tiadakah kira warna dan darjat,
Teguh sepakat jadi matlamat,
Usah dikuasai dendam kesumat.

Pabila pincang hubungan indah,
Dihasuk mudah tajamnya lidah,
Dibaluti sengketa tiada penyudah,
Rakyat sengsara berpecah belah.

Salah pengertian bisa dirunding,
Lebih dan kurang jangan dibanding,
Cakna tetangga tangan berganding,
Mengatur langkah jalan seiring.

Nilai perpaduan bak pepohonan,
Tiadakah jatuh di kelopak kehampaan,
Tiadakah sangkut di dahan kekalahan,
Tiadakah gugur bersama kekecewaan.

Sekian dahulu lontaran harapan,
Pautkan ikatan akrabkan persaudaraan,
Serumpun kita berganding tangan,
Di bawah langit Malaysia aman.



SYAIR AYUHLAH BERSATU

Oleh: Muhammad Asrah bin Jailani

Perpaduan itu tiang negara,
Bersatu hati tiada sengketa,
Berbeza bangsa, agama serata,
Namun bersama menjunjung setia.

Warna kulit bukan ukuran,
Semua saudara seiring jalanan,
Saling menolong penuh harapan,
Membangun watan penuh impian.

Beza bahasa tak jadi halangan,
Budaya disulam dalam kesetiaan,
Bersama teguh dalam persekutuan,
Menjunjung martabat hingga kegemilangan.

Andai bersatu kita berdiri,
Tiadalah musuh datang mendekati,
Perpaduan membawa harmoni,
Negeri tercinta kekal abadi.



SYAIR FIKIR MUAFAKAT

Oleh: Noor Azrina binti Rusli

Dengarlah semua syair luahan,
Luahan tentang pentingnya perpaduan,
Sana sini asyik berlawan,
Janganlah sampai membawa peperangan.

Harta tidak melambangkan hati,
Ilmu dan adab penguat diri,
Mahu bersatu berpegang janji,
Ketepikan hasad perbaiki diri.

Janganlah mudah melemparkan kata,
Budaya kita pentingkan bahasa,
Kata yang baik menyatukan bangsa,
Kata yang nista merobek jiwa

Dunia kita semakin maju,
Teknologi hebat sungguh membantu,
Jangan digoda perosak bangsamu,
Ingatlah tetap jaga nawaitu.

Jangan ada buat tak ingat,
Kita disini orang dahulu dah penat,
Biar habis semua keringat,
Asal semua sama muafakat.

Perpaduan itu tak susah dijaga,
Sudah berbaik jiran tetangga,
Terus berbudi pada semua,
Jangan dipilih agama ataupun bangsa

Dunia kita semakin menjerat,
Banyak perkara perlu diingat,
Pemimpin berjuang berhabis keringat,
Rakyat terbilang rukun bermuafakat.

Syair ini bukan nasihat,
Hanya fikiran seorang rakyat,
Perpaduan bukan masa yang singkat,
Ia diwarisi generasi beringat.



SYAIR MENITI PERPADUAN

Oleh: Sharul Adziah binti Abdul Aziz

Hatta tersebutlah sebuah kisah,
Di suatu daerah tempat bermadah,
Layari hidup mengukir sejarah,
Pinjaman dunia terindah anugerah.

Pelbagai bangsa dalam agama,
Penduduknya rajin berkerjasama,
Jiran tetangga bertambah mesra,
Sering berkomunikasi menjalin bahagia.

Hidup berjiran kedekatan berbunga,
Amalan perpaduan setiap masa,
Putaran pergaulan positif bergema,
Hidup bermuafakat mengisi terma.

Penduduk aman bertukar fikiran,
Saling memahami setiap luahan,
Menyusun harmoni bukan halangan,
Sengketa ditangani bijak rundingan.

Berkembang jajahan semakin padat,
Budaya berbeza tak undang kesumat,
Bersatu padu bertambah hormat,
Bijak sepakat membawa berkat.

Satu persatu khilaf diperhalusi,
Menempuh hidup secara teliti,
Buang segala hasad dan dengki,
Ikhlas bergaul bersatu hati.

Shahadan meningkat warisan budaya,
Mantap jaringan wawasan negara,
Membulat tekad amalan berbahasa,
Luhur ikhlas, perpaduan bergema.



SYAIR BERSATU PADU

Oleh: Shahrul Sazli Shah bin Abu Hurairah

Inilah kisah sebuah nusa,
Asalnya beza ingin bersama,
Demi kebebasan padu dicipta,
Hanya kerana sebuah Merdeka.

Setiap bangsa punya peranan,
Tiada yang disisih tiada dinafikan,
Pemimpin juga sama fahaman,
Jalinkan perpaduan nyatakan pendirian.

Kini berdekad negara Merdeka,
Kemajuan dinikmati keamanan tercipta,
Hasil perpaduan semua bangsa,
Serlahkan negara dipersada dunia.

Ayuhlah pertiwi tingkatkan bakti,
Agar negara kekal Madani,
Sejahtera negara sentiasa diberkati,
Semoga mendapat rahmat Ilahi.

Itulah harapan pejuang bangsa,
Tekadkan jiwa demi negara,
Tanpa menghirau warna dan rupa,
Kekal bersatu rakyat Malaysia.



SYAIR PERPADUAN PEMACU NEGARA MAJU

Oleh: Siti Safura binti Rahim

Perpaduan kaum kunci utama,
Demi hidup aman sejahtera,
Rakyat bersatu harmoni negara,
Teguh martabat di mata dunia.

Melayu, Cina dan India sepakat,
Tiada sengketa aral menyekat,
Berpada tenaga kata muafakat,
Merintis jalan ekonomi meningkat.

Sikap toleransi jalin bersama,
Tanpa mengira kaum bangsa,
Muhibah sepakat tiada alpa,
Aman damai pasti sekata.

Pelbagai etnik Sabah dan Sarawak,
Bersatu padu elak berpuak,
Satu bumbung rukun bergerak,
Negara maju pantas bertindak.

Bersopan santun berbudi bahasa,
Amalan mulia rakyat sejahtera,
Erat berganding saling kerjasama,
Pembangunan pesat menuju jaya.

Masyarakat majmuk saling hormati,
Subur perpaduan tanamkan nilai,
Sama membentuk semangat integrasi,
Semarakkan cinta ibu pertiwi.

Aduhai taulan ingatlah pesanan,
Jangan diroboh jambatan perpaduan,
Bersatu teguh jadi pegangan,
Hidup makmur teguhlah iman.



SYAIR HAMPARAN MEKAR
Oleh: Fixly anak Muhamad

Hamparan mekar bunga berseri,
Beragam warna hiasi bumi,
Bagai pelangi usai mentari,
Begitu indah, damai, harmoni.

Merahnya mawar putih Melati,
Bersama tiada bezakan diri,
Walau berlainan latar dan jati,
Akarnya erat saling berdiri.

Ibarat kita di tanah tercinta,
Berbilang bangsa digelar kita,
Melayu, Cina, India bersama,
Memupuk kasih tanpa sengketa.

Hamparan mekar mercu bersatu,
Angin mengusir duka dan pilu,
Berbeza kita tetap menyatu,
Malaysia maju bila berpadu.

Duri muncul di celah rumput,
Jangan biarkan cepat disingkir,
Bersama kita bangun berpaut,
Gapai impian tanpa terpinggir.

Syair ini lambang harapan,
Agar hamparan terus berkembang,
Di bawah langit aman sentosa,
Bersama kita megah dipandang.



SYAIR TELINGKAH BERAKHIR
Oleh: Nur Izdiharr binti Zainol

Berbilang bangsa hidup harmoni,
Buah diskusi tokoh berani,
Negara membangun penuh berseni,
Bersatu padu berbumbung Madani,

Pandangan berbeza bukan halangan,
Amalan agama jadi pegangan,
Berbuat baik, yang jahat jangan,
Hidup bersama dalam sokongan,

Andai berpecah ikatan kita,
Yang telah dibina sejak Merdeka,
Tunas bangsa menjadi leka,
Menjadi barah di dalam baka.

Ayuh kita mengorak langkah,
Bergerak maju penuh beraklah,
Abaikan semua punca telingkah,
Berakhir dengan senyum merekah.



SYAIR BANGSA BUDIMAN

Oleh: Ruzaini binti Yahya

Bersinar rembulan sinari malam,
Indah sungguh mulanya kalam,
Kepada Al Khaliq pengatur alam,
Persembah negara seri pualam.

Berbilang bangsa hidup bersama,
Saling membantu tiada berbeza,
Membina negara demi cinta,
Tumpahlah kasih juga setia.

Harum negara di puncak persada,
Meski berbeza bangsa budaya,
Hormat menghormati prinsip utama,
Amalan toleransi turut dijaga.

Bergadai nyawa demi pertiwi,
Pelbagai etnik bersatu hati,
Janji warga sudah terpatri,
Rukunegara sama hayati.

Syair tersurat bangsa budiman,
Setiap saat menjadi sanjungan,
Contoh teladan jadi ikutan,
Negara berdaulat maju dan aman.



SYAIR PERPADUAN PERJUANGAN REALITI

Oleh: Fatin Juzaili bin Johari

Negara aman rakyatnya harmoni,
Tiada sengketa atau irihati,
Menjaga hati dan sensitiviti,
Kelak bahagia tidak membenci.

Melayu Cina India semua sekali,
Ada budaya dan seni sendiri,
Bertukar makanan saling memahami,
Tiada jurang atau kompromi.

Beza perayaan namun sama dirai,
Utuh ikatan saling menghormati,
Jalinan muhibbah sama dirasai,
Niat membantu kekal toleransi.

Perpaduan dibentuk atas demokrasi,
Tiada dipinggir atau diketepi,
Semua bangsa sesama dikasihi,
Kuat hati menjaga silaturahmi.

Undang-undang kita patuhi,
Segala janji kita tepati,
Suatu harapan juga isihati,
Kita hayati kita penuhi.

Moga kekal bersatu hati,
Membentuk negara dilindungi ilahi,
Kekalkan patriotisme dalam diri,
Inilah perjuangan sejagat realiti.



SYAIR TOLERANSI KAUM
Oleh: Mokhtar bin Omar

Ditakdirkan kita berbilang kaum,
Bina negara di mata umum,
Jadikan contoh usah menghukum,
Belah yang retak segera dicantum.

Negara kita dikurnia anugerah,
Ranah subur khazanah melimpah,
Cari rezeki jujur amanah,
Hindari rasuah hidup tak punah.

Bukannya mudah bercantum bahu,
Berbeza agama, budaya dan mahu,
Jika hebahan hangat diberitahu,
Siasat dahulu redakan suhu.

Pupuklah kasih dalam sanubari,
Ingatkan keluarga dan juga diri,
Sayangi jiran bak saudara sendiri,
Fitnah prasangka mesti dihindari.

Hulurkan jua sebarang pertolongan,
Membantu insan yang kesusahan,
Budi sedikit bak segunung intan,
Kekal dikenang terjaga keharmonian.

Berkongsi ilmu berbahagi hasil,
Mengerah keringat kerajinan dicungkil,
Sedia berkorban watan memanggil,
Bakti warga setia usah diperkecil.

Perpaduan itu tak ternilai harga,
Hidup berbakti bak wangian bunga,
Harum mekar seluruh rongga,
Aman sentosa negara terjaga.



SYAIR MALAYSIA MADANI MEMBUGAR PERPADUAN

Oleh: Mohd. Ab. Malek bin Md. Shah

Identiti nasional teras pegangan,
Semarak patriotisme demokrasi junjungan,
Kukuhkan perpaduan bugar harapan,
Mampan pencapaian kelangsungan insan.

Laksana jemari saling bersaudara,
Sama berusaha ke mercu wibawa,
Seia bersama melakar rencana,
Dirgahayu selamanya sejahtera bitara.

Bestari peribadi lestari berbudi,
Berpaksi madani asuhan pekerti,
Julang pertiwi di persada ardi,
Bitara integrasi idaman jauhari.

Aneka budaya kaya tradisi,
Saling menghormati sama dirai,
Rezeki melimpah turut dikongsi,
Makmur Malaysia terus diberkati.



SYAIR BERSATU DALAM KEPELBAGAIAN

Oleh: Tilakawathe a/p Balakrishnan

Dalam pelangi, warna bersatu,
Rakyat Malaysia, pelbagai hati,
Dari utara hingga selatan,
Bersama kita, bina harmoni.

Budi bahasa, budaya bercampur,
Hidup rukun, saling menghormati,
Walau berbeza, tetap satu,
Perpaduan kukuh, negara kita.

Dari pelbagai bangsa dan agama,
Kita seiring, satu cita-cita,
Merajut kasih, menjalin mesra,
Malaysia tercinta, bumi berharga.

Marilah kita raikan perbezaan,
Dengan rasa hormat, saling mengerti,
Dalam perpaduan, kita capai kejayaan,
Satu bangsa, satu identiti.



SYAIR RAHMAT PERPADUAN

Oleh: Nur Nadiah binti Tarsik

Negara Malaysia pelbagai bangsa,
Melayu, India dan juga Cina,
Bahasa Melayu penyatu jiwa,
Menjadi perintis perpaduan negara.

Rukun negara kunci perpaduan,
Menjadi tajuk dalam pendidikan,
Banyak dianjurkan ceramah kesedaran,
Pihak berkuasa main peranan.

Perpaduan dipupuk pelbagai cara,
Sukan bukti semarak bangsa,
Bergotong-royong jangan dilupa,
Nama negara di persada dunia.

Guru di sekolah bersatu hati,
Mendidik pelajar hormat-menghormati,
Elakkan sengketa dan juga benci,
Kelak negara perpaduannya harmoni.

Perpaduan banyak manfaat kepentingan,
Ekonomi negara dapat dimajukan,
Sektor pelancongan menjadi sebutan,
Pasti negara mencapai kestabilan.

Pelbagai perayaan harus dirai,
Rumah terbuka menjadi destinasi,
Had interaksi menjaga sensitiviti,
Barulah perpaduan dapat direalisasi.

Perpaduan kaum pemangkin utama,
Jangan dibiarkan panjangnya sengketa,
Tutup jurang punca derita,
Semoga negara aman sentosa.



SYAIR BAKTI PERPADUAN

Oleh: Mokhtar bin Omar

Malaysia majmuk berbilang kaum,
Adat budaya terus tercantum,
Warisan leluhur senyum menguntum,
Di bawah payung negara mengharum.

Enam puluh satu tahun Malaysia berdiri,
Pelbagai cabaran onak dan duri,
Dilalui dengan pemikiran bestari,
Membangun ikut acuan tersendiri.

Ekonomi, politik dan komunikasi,
Industri dan pendidikan berasimilasi,
Terus bertahan pada era globalisasi,
Kejayaan dikecapi rakyat bermotivasi.

Terus berusaha mempertahankan keamanan,
Kesejahteraan kaum jadi sandaran,
Berganding tangan memikul bebanan,
Mengambil berat masalah kejiiran.

Ukirkan senyuman dalam perbuatan,
Hulurkan bantuan pada yang perlukan,
Teguhkan diri lawan kebencian,
Pamerkan adab suatu tuntutan.

Hormati yang lain kunci susila,
Tepislah sengketa nan merajalela,
Bersama tangani jaga susila,
Kekal pelihara tulus terbela.

Sayangi negara suatu amanah,
Bekerja dan berusaha tidak berpecah,
Ikhlas diri bersatu gagah,
Takkan musnah perpaduan nan indah.



SYAIR BERSATU ASAS PERPADUAN
Oleh: Noorfaizatun binti Hamzah

Malaysia merdeka negara sentosa,
Rakyatnya rukun hidup bahagia,
Pemerintah adil sungguh saksama,
Nasib rakyat terbela sentiasa.

Rakyat Malaysia berbilang bangsa,
Berlainan agama kaum dan budaya,
Walau hidup nampak berbeza,
Hakikatnya sama mencintai negara.

Adakalanya badai melanda,
Tergugat rasa, pedih di jiwa,
Ikatan saudara mengatasi segala,
Demi negara, berpadu jua.

Marilah kita bersatu hati,
Ancaman musuh kita tentangi,
Jangan berundur walau seinci,
Agar negara sentiasa harmoni.

Ke atas bukit sama didaki,
Ke bawah lurah sama turuni,
Inilah hidup rakyat madani,
Berpadu jiwa, bersatu hati.



SYAIR MENJULANG MUAFAKAT

Oleh: Datu Ramlee B. D. Ramlee Amir Hussin

Hidup muafakat jadi amalan,
Bersatu padu seiring sejalan,
Rasa gembira tidak terkilan,
Pahit dibuang manis ditelan.

Tinggal di desa bekerjasama,
Bantu-membantu teras utama,
Jadi tuntutan dalam agama,
Terhindar dari jiwa dilema.

Hidup di kota penuh waspada,
Sibuk memanjang si anak muda,
Malas bergaul tidak senada,
Muafakat dilupa jadi agenda.

Di tempat kerja biarlah mesra,
Indah bahasa tutur bicara,
Bersatu padu jadi lentera,
Kekal berjaya teguh membara.

Negara harmoni dipandang tinggi,
Hadir pemimpin penuh sinergi,
Muafakat dijulang jadi strategi,
Ekonomi terbilang hindarkan rugi.



SYAIR PERPADUAN JIWA SINAR HARAPAN
Oleh: Syahirah binti Mohamad Yusof

Di bawah jumantara biru yang terbentang,
Kita melangkah berpimpin tangan,
Pelangi warna penuh rasa dan jiwa,
Perpaduan jiwa satu harapan.

Bunga-bunga mekar pelbagai wangi,
Menyatu dalam taman, cantik menawan,
Budaya beraneka seakan bersemi,
Mencipta harmoni dalam keindahan.

Lautan berombak angin berdesir,
Satu suara melodi bersatu,
Dalam perbezaan kita tidak risau,
Cinta dan kasih menjadi penyatu.

Jangan kita lupakan, sejarah yang ada,
Kisah-kisah silam, menuntun langkah,
Berpadu erat dalam suka dan duka,
Mewujudkan dunia lebih indah dan megah.

Ketika tangan bersatu hati berdegup,
Kita bina masa depan yang gemilang,
Di antara kita tiada yang terpinggir,
Perpaduan ini adalah kekuatan.

Mari kita jaga kebersamaan ini,
Dalam senyuman kita saling mengerti,
Menjadi cahaya di dalam kegelapan,
Perpaduan kita sinar harapan.



SYAIR MALAYSIA MADANI NADI RAKYAT
Oleh: Muhammad Fathuddin Adham bin Hairi Haizri

Bumi Malaysia berbilang bangsa,
Raikan semua penuh sentosa,
Hidup bersama harmoni sentiasa,
Kelak damai sepanjang masa.

Rakyat kita pelbagai budaya,
Semua menyambut dengan bergaya,
Saling membahu penuh percaya,
Perpaduan dijaga banyak upaya.

Benih perpecahan cuba ditanam,
Oleh rakan mahu menikam,
Demi kepentingan mata dipejam,
Api perpaduan kian terpadam.

Percaya sesama penuh kesatuan,
Dapat terus menjamin kekuatan,
Hajat musuh tidak kesampaian,
Kerana rakyat menutup kelemahan.

Gabungan memerdekakan diri ini,
Hasil keamanan perlu diteladani,
Jangan sampai musuh mengkafani,
Penyatuan ummah Malaysia Madani.



SYAIR WATAN BERBUDI

Oleh: Muhammad Ariff bin Badrudin

Berdekad sudah hidup bersama,
Berbilang bangsa, budaya, agama,
Saling menghormati hidup saksama,
Teguh berpadu anjak paradigma.

Bawa bersama satu panji,
Rukun negara berpegang janji,
Tegur menegur sifat disaji,
Saling memahami nilai terpuji.

Hidup damai saling muafakat,
Rukun tetangga hidup berpakat,
Bantu membantu jauh dekat,
Bersatu hati membawa berkat.

Berbeza pendapat jangan berbalah,
Elaklah diri saling menyalah,
Hemah berbincang selesaikan masalah,
Toleransi elak pecah belah.

Budi bahasa penting disemai,
Nilai tonggak negara damai,
Alam diperlihara agar permai,
Semangat watan hidup berdamai.



SYAIR RUKUN PERPADUAN BANGSA

Oleh: Wan Muhammad Hanif bin Wan Abd Hamid

Seluruh warga bersatu hati,
Rela berkorban demi pertiwi,
Saling membantu mencurah budi,
Agar hidup sejahtera harmoni.

Perpaduan bangsa dijulang bersama,
Lima rukun amalkan sentiasa,
Hormat-menghormati tak kira usia,
Bertolak ansur sesama manusia.

Rukun pertama percaya Yang Esa,
Tuhan pentadbir alam semesta,
Akhlak terpuji sifat mulia,
Akidahnya teguh iman terpelihara.

Rukun kedua perlu diingat,
Kepada raja mestilah taat,
Merdeka kita di negara berdaulat,
Muafakat bangsa rakyat sepakat.

Rukun ketiga jadi pedoman,
Sudah tertulis luhur perlembagaan,
Tiada upaya untuk melawan,
Adil saksama buat semua insan.

Rukun keempat harus dipatuhi,
Undang-undang daulatnya tinggi,
Peraturan dicipta penuh teliti,
Jadi panduan sehari-hari.

Rukun terakhir lambang kesopanan,
Adab susila harus ditekankan,
Tamadun gemilang jadi pengajaran,
Terserlah tanda negara yang aman.

Begitulah rukun perpaduan bangsa,
Harus dipahat di ufuk jiwa,
Janganlah alpa jangan terleka,
Negara ini tanggungjawab semua.



SYAIR HIDUP MUAFAKAT
Oleh: Ruzilawati binti Man

Dengan Bismillah hamba mulakan,
Syair muafakat hamba karangkan,
Jadi panduan teman dan rakan,
Berpecah belah sama elakkan.

Bumi Malaysia tanahnya berkat,
Pelbagai kaum hidup muafakat,
Mana yang senget sama ditongkat,
Bertolong bantu oleh yang kuat.

Negara ini pelbagai bangsa,
Susah dan senang sama dirasa,
Hidup bersatu kita perkasa,
Khianat musuh jadi binasa.

Usah dihirau ancaman luar,
Dengki dan fitnah menjadi tawar,
Rukun dan damai jadi penawar,
Raja berdaulat tempat bersandar.

Pelbagai kaum hidup bersatu,
Tetap bersama selama waktu,
Berpegang teguh rukun yang satu,
Rukun Negara sudahlah tentu.



SYAIR HARAPAN PERPADUAN

Oleh: Siti Aishah binti Ramly

Dengarlah wahai rakan dan taulan,
Daku tintakan seikhlas nukilan,
Sebagai pesan penunjuk jalan,
Membentuk perpaduan pupuk kestabilan.

Belayar bersama menongkah samudera,
Rakyat jelata bagaikan bahtera,
Pasakkan di sukma kita bersaudara,
Jauhi sengketa hidupkan sejahtera,

Satu naungan kita berpanji,
Laungan Merdeka pengikat janji,
Hidup bermasyarakat pasti diuji,
Usah membenci jangan dikeji.

Jurang usia bukannya alasan,
Berbeza pandangan sesama insan,
Tua dan muda saling berpesan,
Teras perpaduan menjadi wawasan.

Meski berbeza bangsa dan agama,
Adat budaya saling diterima,
Jangan disisih harmoni bersama,
Di mata dunia Malaysia ternama.

Banyak perayaan hormat disambut,
Ucapkan selamat berlemah-lembut,
Enak sajian hati pun terpaut,
Di situlah kasih saling bertaut.

Berjiwa Merdeka tak mengira pangkat,
Bangsa terbilang saling sepakat,
Rukun Negara menjadi tongkat,
Malaysia gemilang martabat diangkat.

Dendam kesumat jangan disimpan,
Kekal yang aman itu harapan,
Satu matlamat di masa hadapan,
Teguh negara maju dan mapan.



SYAIR NILAI MURNI WARNA BANGSA
Oleh: Mohamad Syafeq bin Zainal Amin

Tak pernah cukup diratib sentiasa,
Kalimah syukur pada yang Esa,
Harmoni hidup berbilang bangsa,
Di tanah makmur aman sentosa.

Menabur budi sepanjang masa,
Bantuan dihulur tak kira agama,
Saling menghormati sesama bangsa,
Bertolak ansur paling utama.

Pada tetangga mengambil berat,
Bagai keluarga ukhwah mengikat,
Ada kalanya berbeza pendapat,
Jangan pula dibiarkan melarat.

Perpaduan rakyat tersimpul kukuh,
Masa berlalu semakin utuh,
Terkadang hebat dilaga musuh,
Tetap bersatu berpimpin teguh.

Tanah merdeka amanah berharga,
Dijaga bersama sepenuh jiwa,
Usah terlena didunia fana,
Kalau terleka hilang segala.



SYAIR INDAHNYA KEBERSAMAAN
Oleh: Rohizan bin Ya

Indahnya hidup dalam kebersamaan,
Seperti ombak bersatu di lautan,
Tidak terpisah oleh perbezaan,
Teguh berdiri dalam persaudaraan.

Berbeza adat, tidak terperi,
Namun jiwa kita bersatu jua,
Tiada dinding pemisah hati,
Perpaduan teguh, aman sentosa.

Seperti purnama di malam tenang,
Cahayanya lembut menyapu jiwa,
Begitulah indahnya hidup berkasih sayang,
Hati menyatu, kasih suci tercipta.

Mari kita junjung maruah bersama,
Bersama cita dan mimpi,
Menjulang bangsa dengan kasih mesra,
Mengukir bahagia, memupuk harmoni.



SYAIR PERPADUAN NUSANTARA
Oleh: Rohizan bin Ya

Nun jauh di rantau, hati berpadu,
Biar berpisah lautan dan daratan,
Nusantara megah bersatu padu,
Bersama berpegang pada janji setia.

Adat leluhur teguh terpelihara,
Budaya warisan tetap dihormati,
Junjung amanah bangsa berdaya,
Dalam tiap jiwa, semangat sejati.

Biar berbeza rupa dan bicara,
Namun ikatan kita takkan terurai,
Perpaduan jadi lambang negara,
Mengejar impian di ufuk damai.

Bagai titian emas yang terbina,
Menghubung hati walau berjauhan,
Bahagia kita aman sentosa,
Bersatu teguh di persada zaman.



SYAIR DI BAWAH PAYUNG MALAYSIA
Oleh: Mohd Nasrullah bin Abdul Aziz

Perpaduan rakyat terjalin lama,
Tidak mengenal pangkat dan nama,
Kerana kita adalah sama,
Sayangi Malaysia mekar di atma.

Sejahtera rakyat aman sentosa,
Walau berbeza agama bangsa,
Semua bersatu seerat serasa,
Payung Malaysia penuh berjasa.

Pelbagai bangsa bersatu hati,
Hidup aman saling mengerti,
Umpama rumpun yang tak akan mati,
Saling membantu tiada henti.

Semua bangsa terus sepakat,
Lakukan kerja secara muafakat,
Jadikan hidup bertambah berkat,
Yang jauh terasa dekat.



SYAIR BANGSA BERBILANG
Oleh: Mohd Hafizi bin Tajuddin

Telah berkurun laungan merdeka,
Membugar kisah pahlawan perwira,
Onak dan duri ditempuh bersama,
Membentuk negara damai bahagia.

Semua bangsa menggalas amanah,
Bersatu padu kita melangkah,
Menghapus sengketa menepis tohmah,
Teguh berdiri pertahankan maruah.

Kepada yang tua kita hormati,
Sayangi yang muda usah dibenci,
Muafakat dibina musuh dijauhi,
Natijah tercipta makmur harmoni.

Kepada nusa harus berbakti,
Pelbagai ilmu dapat ditekuni,
Kitab cendekiawan penyuluh budi,
Berhimpun telaah rajinlah diskusi.

Warisan budaya berbilang warna,
Aneka ragam indah di mata,
Gabungkan merentas masa,
Asimilasi terjaga negara sentosa.

Duhai saudara, rakan dan taulan,
Sejarah silam jadikan pengajaran,
Masyarakat bersatu tetap pegangan,
Wawasan dijulang zaman-berzaman.



SYAIR PERPADUAN LUHUR SEJATI

Oleh: Noorzulfa binti Ithnin

Lahirnya kita pelbagai bangsa,
Budaya pula banyak polanya,
Sedari kecil bersama-sama,
Perit dan getir menongkah rasa.

Alangkah indah di mukim ini,
Kita bersatu membangun ekonomi,
Pelbagai sumber kita berkongsi,
Sejahtera desa untuk dinikmati.

Ilmu digarap perkongsian sejati,
Manfaatnya pula sentiasa berbagi,
Bumi dipijak untuk didepani,
Perkembangan semasa berkat teknologi.

Hormatnya kita dengan saudara,
Walau berbeza bangsa agama,
Fahaman politik punya citarasa,
Prinsip diri matlamat yang sama.

Bersatu teguh bercerai roboh,
Perpaduan kita jangan disentuh,
Jika dicarik untuk ceroboh,
Onak dan duri pasti ditempuh.

Malaysia maju sedang dititi,
Keringat rakyat amat dihargai,
Teguh berdiri jiwa dan hati,
Kitalah bangsa luhur sejati.



SYAIR PERPADUAN

Oleh: Nur Syahida binti Lokman

Mari bersama kita bersatu,
Hidup rukun tiada bermusuh,
Walau berbeza adat dan satu,
Kasih sayang janganlah runtuh.

Bersama kita menongkah arus,
Membina bangsa penuh setia,
Tiada perpecahan tiada yang terkhusus,
Kasih sayang di jiwa sentiasa.

Agama dijaga, adat dihormati,
Berpada kita teguhkan negeri,
Tiada sengketa, tiada benci,
Hidup harmoni sepanjang hari.

Jangan berpecah kerana rupa,
Atau bahasa yang tak serupa,
Kita bersama, kita keluarga,
Perpaduan itulah penanda jiwa.



SYAIR PERPADUAN RAKYAT

Oleh: Bani Adha binti Sabri

Wahai insan tundukkan diri,
Junjung tinggi budi pekerti,
Berpada kita jangan terperi,
Membangun negara dengan harmoni.

Mendaki gunung, merentas lautan,
Bersatu hati, semua ditawan,
Dalam perpaduan, kita sepasukan,
Bangsa gemilang, terbit di awan.

Berbagai warna, bangsa, bahasa,
Namun hati penuh cinta mesra,
Takkan goyah, takkan binasa,
Asal kita berpadu rasa.

Si kaya, si miskin, sama sahaja,
Yang penting kita tiada sengketa,
Setiap langkah berpaksi setia,
Menjunjung damai, jauhkan duka.

Wahai pemuda, wahai perwira,
Menuju puncak berganding sama,
Jangan biar nafsu menyusup minda,
Perpaduan teguh, buang wasangka.

Negeri makmur, rakyat berjasa,
Berkat doa, penuh kurnia,
Satu nusa, satu bangsa,
Di bawah naungan daulat raja.

Syair ini hanyalah seruan,
Agar perpaduan jadi pegangan,
Demi masa depan, penuh harapan,
Bangsa bersatu mencapai wawasan.



SYAIR PESANAN KANDA

Oleh: Mohd Fadzly bin Hj. Miswan

Dengarkan sini kanda berperi,
Suara hati tentang bestari,
Sopan dan kata mesti dicari,
Agar tiada memencil diri.

Janganlah jangan beri alasan,
Supaya hasrat tidak terkesan,
Cuba dengarkan kanda berpesan,
Tanamkan sifat kasih berihsan.

Jauhi bahaya hasad di hati,
Moga jiwamu tidakkan mati,
Pelbagai bangsa harus hormati,
Damai negara pasti dinikmati.

Santuni adat beza budaya,
Begitu juga resam dan gaya,
Cerca dan hina itu bahaya,
Rosak binasa kerana aniaya.

Jadilah kita orang berguna,
Amanah bangsa pasti terbina,
Bersatu watan akhlak sempurna,
Musnah segala gundah gulana.

Muliakan Bahasa Melayu kita,
Usah dicemar merosak kata,
Itu perisai tangkis sengketa,
Hemah tertebar kekal bertakhta.

Di akhir kata nasihat kanda,
Jangan dilupa pesannya bonda,
Negara kita jangan dinoda,
Karam bahtera tanpa nakhoda.



SYAIR KEMASYURAN MALAYSIA
Oleh: Zaiton binti Manangin

Masyhur namamu di mata dunia,
Tetap dikagumi di mana-mana,
Unikmu hidup berbilang bangsa,
Itulah Malaysia negara tercinta.

Berbeza adat dan juga budaya,
Disatukan dengan satu bahasa,
Bila berjumpa berjabat mesra,
Tiada selisih juga sengketa.

Berwarna-warni perayaan kita,
Tetap bersatu raikan bersama,
Itulah perpaduan rakyat Malaysia,
Terus bersama sehati sejiwa.

Saling menghormati kunci utama,
Dalam menjaga perpaduan negara,
Tidak mengira tua dan muda,
Di dalam hati cinta negara.

Berpegang tangan melangkah bersama,
Hadapi rintangan dugaan dunia,
Terus nikmati hidup sentosa,
Julang bendera Malaysia merdeka.



SYAIR MALAYSIA

Oleh: Zaiton binti Manangin

Tanah melayu nama diberi,
Sebelum Merdeka dapat dikecapi,
Namun tidak diguna kini,
Semangat perpaduan saling menghormati.

Malaysia mashyur berbilang bangsa,
Berjuta adat hidup bersama,
Tetap bersatu tidak campera,
Malaysia madani dikagumi dunia.

Perpaduan terus dipelihara,
Menjadi lambang Malaysia jaya,
Satu bahasa menyatukan kita,
Jagalah bahasa ibunda kita.

Kepetangan anak muda dan mudi,
Membawa nama Malaysia madani,
Jagat raya terus menyaksi,
Kami hidup aman dan harmoni.

Bersopan santun molek pekerti,
Menjadi budaya amalan kami,
Itulah kekuatan Malaysia kini,
Seantero dunia akan ikuti.

Malaysia maju rakyat sejahtera,
Prinsip utama kepimpinan kita,
Terus bersemarak Malaysia tercinta,
Kelak diwarisi anak cucu kita.



SYAIR MALAYSIA MADANI
Oleh: Zaiton binti Manangin

Perpaduan bangsa tunggal utama,
Untuk mencapai matlamat bersama,
Malaysia hidup berbilang bangsa,
Tetap bersatu di mana pun jua.

Harapan Malaysia terus bersama,
Hidup sejahtera tak kira bangsa,
Untuk meneruskan perjuangan mereka,
Semarak Malaysia gegar dunia.

Anak Malaysia terus berlumba,
Cipta sejarah banggakan negara,
Tidak mengira agama dan bangsa,
Itulah semangat perpaduan kita.

Hidup bersama saling hormati,
Adab dan bahasa dijaga rapi,
Cantik ruapanya juga pekerti,
Lambang kejayaan Malaysia Madani.

Anak muda pewaris negara,
Teruskan usaha majukan negara,
Jangan patahkan perpaduan kita,
Yang telah terjalin sekian lama.



SYAIR BICARA SEORANG ANAK
Oleh: Zainap Bibi binti Bagil Khan

Akulah anak lahir disini,
Di bumi malaysia yang harmoni,
Hidup aman santun menyantuni,
Dari kecil sehingga kini.

Bee Hoon nama ku sejak azali,
Semua bangsa aku gauli,
Bersama Nurul juga Devaki,
Dari Tadika Perpaduan kami kenali,

Walaupun aku berlainan bangsa,
Punyai kawan Melayu dan India,
Bersama jiran tiada sengketa,
Bertegur sapa bila bersua.

Tibalah masa bergotong royong,
Membersih taman tolong menolong,
Datanglah pula pak long dan mak long,
Membawa minuman dan juga lontong.

Walau peluh basahi pipi,
Setiap lorong terus rentasi,
Penat dan lelah tak peduli lagi,
Penat akan hilang diri disantuni.



SYAIR PERPADUAN MENGIKAT CINTA
Oleh: Shahana binti Shukri

Negara tercinta tanah pejuang,
Sama mengibar jalur gemilang,
Perpaduan rakyat sebagai tiang,
Mengikat cinta bangsa berbilang.

Walau berbeza warna budaya,
Duduk semeja tika beraya,
Semua kaum seia sekata,
Menambah ceria jauhi sengketa.

Tali persaudaraan terpintal mesra,
Bagai anyaman kemas mempesona,
Hidup berjiran menyambung bicara,
Tidak sombong berkata semena.

Dalam damai kasih bersatu,
Melayu Cina bantu-membantu,
India datang menghulur bahu,
Tanda tidak memilih suku.

Biar ribut kencang melanda,
Tiada bertelingkah menyalahkan siapa,
Bersimpuh tenang mencari cara,
Konflik terlerai hubungan terjaga.

Dari utara hingga selatan,
Kerah tenaga membina jambatan,
Mesti cakna memupuk persefahaman,
Kerana sayang wujud keamanan.

Marilah kita teruskan langkah,
Dalam pelukan perpaduan indah,
Cintakan nusa ikuti warkah,
Warga harmoni bertambah berkah.



SYAIR PERPADUAN NUSA BANGSA
Oleh: Siti Khatijah binti Awang

Di sini aku nukilkan rasa,
Antara sepakat dengan sengketa,
Cerita yang benar juga dusta,
Halusnya dengan wajar dan saksama.

Noktahkanlah di dalam jiwa,
Semangat waja yang kian membara,
Agar elok terletak sempurna,
Barulah terbentuk perpaduan negara.

Kasihi insan sesama kita,
Sukar dijunjung bersama-sama,
Selisih faham sentiasa ada,
Selesaikanlah dengan bijaksana.

Waktu dan masa meninggalkan sisa,
Jangan sesekali disia-sia,
Kelak engkau tahu merasa,
Indah apabila kita bersama.

Marilah kita bersama-sama,
Hayunkan langkah membina bangsa,
Perpaduan diraih antara nusa,
Semoga terpahat selama-lamanya.



SYAIR KECAPI PERPADUAN
Oleh: Nur Nadiyah binti Tarsik

Negara Malaysia aman harmoni,
Bersatu hati amalkan demokrasi,
Janganlah kita saling membenci,
Agar perpaduan terus dikecapi.

Berbeza pandangan bukan halangan,
Titik persamaan menjadi kekuatan,
Sejarah lama menjadi panduan,
Hidup muhibbah perlu diamalkan.

Pelbagai bangsa harus sepakat,
Tak kira umur, agama dan pangkat,
Bersatu padu menjadi matlamat,
Pastinya negara kekal berdaulat.

Setiap perayaan harus dirai,
Kepelbagaian budaya perlu dihormati,
Kukuhkan perpaduan dengan toleransi
Demi kecintaan kepada pertiwi.

Berpecah belah banyak keburukan,
Marilah kita jauhi persengkataan,
Kukuhkah perpaduan raikan perbezaan,
Semoga negara model tumpuan.



SYAIR NILAI PERPADUAN
Oleh: Nurashikin binti Ishak

Madah dikarang susunan kata,
Kisah perpaduan canangkan serata,
Biar masyhur segenap kota,
Madani warganya nilaian permata.

Bahasa Melayu jadikan pengantara,
Berpadu bangsa menjulang negara,
Berbilang kaum satukan suara,
Barulah kekal aman sejahtera.

Perpaduan teras Malaysia madani,
Hayatilah bersama nilai insani,
Negara kita kan disegani,
Punyai rakyat berhati murni.

Banyaklah faedah berpadu warga,
Nusa kan aman dan lebih berharga,
Elakkan bertingkah juga berlaga,
Kitakan Malaysia satu keluarga.

Nilai perpaduan tiada tara,
Tak boleh dibanding permata mutiara,
Berpesan-pesanlah banyak perkara,
Sekalian warga bagaikan saudara.

Sebelum berakhir kisah didendang,
Nilai bersatu haruslah dipandang,
Janganlah semua menjadi pencundang,
Gema perpaduan teruslah didendang.

Usai titipan madah bermakna,
Kisah perpaduan catatan pena,
Dalam negara pelbagai warna,
Disebut orang serata buana.



SYAIR BAHTERA SEJAGAT

Oleh: Shahana binti Shukri

Bahtera gagah menyusuri samudera,
Dikemudi cekap tanpa alpa,
Lambang negara megah tertera,
Rakyat bersatu sama bersapa.

Taufan menggila menggonggong setia,
Namun bahtera tetap perkasa,
Perpaduan utuh membawa bahagia,
Menempuh badai menuju jaya.

Bahtera dipimpin wira bijaksana,
Menyemai cinta menabur jasa,
Tiadalah goyah dalam bicara,
Komuniti patuh kerana cakna.

Layar terbuka membentang pandangan,
Saling mendengar buah fikiran,
Turunkan ego memimpin tangan,
Berlabuh selamat tidak berlanggaran.

Bintang gemilang puncak harapan,
Setiap rakyat ambil peranan,
Jangan dengki kemenangan lawan,
Berlapang dada terima keputusan.

Satu matlamat satu impian,
Sayang-menyayangi dalam hubungan,
Hormati budaya agama kepercayaan,
Baru harmoni tanpa pertelingkahan.

Rintangan dihadapi dengan sinergi,
Bersatu hati menjadi kunci,
Bantu-membantu amalan murni,
Bahtera indah dihias toleransi.

Bahtera Malaysia mengibar bendera,
Menyeru kru berjiwa bangsa,
Kebersamaan kita mesti dipelihara,
Biar hidup aman sentosa.



SYAIR PERPADUAN RUKUN MASYARAKAT MADANI
Oleh: Mohd Nidzom bin Mohd Ramlan

Mari dengarkan wahai kawan-kawan,
Syair ku dendangkan nukilan ilmuwan,
Ingin ku sampaikan tema perpaduan,
Semoga dijadikan sebagai panduan.

Perpaduan rukun masyarakat madani,
Hidup berhimpun aman harmoni,
Bekerja tekun gagah berani,
Sopan dan santun halus berseni.

Pemimpin amanah kunci utama,
Menegakkan sunnah adil saksama,
Menjaga khazanah milik bersama,
Barulah sakinah datang menjelma.

Negara kita berbilang bangsa,
Ragam berjuta pelbagai bahasa,
Hapuskan sengketa perbanyakkan jasa,
Semaikan cinta bertimbang rasa.

Sudah dilarang agar berwaspada,
Kepercayaan orang jangan dipersenda,
Kelak diserang pegangan di dada,
Meletus perang porak peranda.

Sekian dahulu madah syairku,
Seandainya melulu maafkan daku,
Ingatlah selalu amanat pesanku,
Rakyat bersatu negara maju.



SYAIR PERPADUAN TERAS NEGARA BERDAULAT
Oleh: Mohassah bin Borhan

Di utara Perlis di timur Sabah,
Tiga wilayah turut ditambah,
Majmuk warganya hidup muhibbah,
Ke sana ke mari tiada gundah.

Ali dan Ah Chong serta Ramasami,
Turunan Mat Salleh bersatu hati,
Semangat rentap taat bersemi,
Malaysia dijulang hidup harmoni.

Malaysia Madani sama dijunjung,
Taatkan pemimpin jasa disanjung,
Musibah mendatang sama dibendung,
Iltizam dan nilai sama diagung.

Enam puluh tujuh tahun merdeka,
Rakyat bersatu sirna sengketa,
Biar berbeda sehati sejiwa,
Makmur pertiwi maruah terbela.



SYAIR HIDUP BERSATU

Oleh: Muhammad Azri bin Store Pipe

Dengarkan tuan saya berperai,
Buat renungan warga bestari,
Kepelbagaian bangsa perlu dirai,
Warga bersatu bertambah seri.

Kelainan kita harus dipelihara,
Sebagai tanda sebuah negara,
Estetika budaya menyerlah aura,
Kelak terkenal seluruh Nusantara.

Rukun Negara panduan utama,
Membentuk rakyat tanpa stigma,
Panduan penguasa perlu diterima,
Tersimpul rapi di dalam sukma.

Adat tradisi harus dihormati,
Amalan agama diberi prioriti,
Pesanan pendeta harus dihayati,
Moga terbentuk rakyat berkualiti.

Ayuh amalkan sifat bertoleransi,
Bertimbang rasa mengikut situasi,
Bersatu hati menjauhi kontradiksi,
Penyatuan kaum dapat direalisasi.

Ingatlah detik kita bersama-sama,
Berpadu suara mencetuskan gema,
Menyokong negara mencipta nama,
Menang atau kalah kita terima.

Menjalin kasih di rumah terbuka,
Pelbagai bangsa bersua muka,
Perpaduan terjalin lupakan luka,
kukuh kesatuan warga merdeka.

Semoga utuh perpaduan kita,
Bersatu jiwa tanpa sengketa,
Segala cita-cita menjadi nyata,
Demi kebaikan negara tercinta.



SYAIR TEKAD PERPADUAN PENUHI HARAPAN
Oleh: Abdul Al Jabbar bin Abdul Rahim

Bunga-bunga yang mekar di taman permainan,
Setiap warna kisah yang berbeza,
Namun bila bersatu mereka tekad perpaduan,
Indahnya hidup mereka penuhi harapan.

Ayuh melangkah mencapai matlamat,
Dengan cinta kita harungi bersama,
Dalam perbezaan mencari keindahan,
Perpaduan kita kekuatan yang nyata.

Satu tujuan langkah berbeza,
Mengapai cita kebersamaan kita,
Sepakat kita sumber kekuatan,
Membangun masa depan dengan kejayaan.

Tentang sejarah banyak kita belajar,
Keharmonian hidup yang tiada henti,
Menyatu dalam cinta jalinan yang erat,
Perpaduan kaum cita yang kukuh.

Mari kita berpimpinan tangan ke tangan,
Membangun negara penuh kedamaian.
Tekad perpaduan lambang kekuatan,
Kaum bersatu jaminan masa depan.



SYAIR UNIKNYA KITA

Oleh: Idayu binti Abdul Said

Dengar-dengarkan handai dan taulan,
Syair pilihan tema perpaduan,
Digarap bukan sekadar bualan,
Semoga nukilan jadi panduan.

Uniknya kita berbilang bangsa,
Desa dan kota hidup selesa,
Selisih kata lumrah biasa,
Elak sengketa merosak nusa.

Beza agama kaum dan adat,
Hidup bersama hormat muafakat,
Celik budaya kunci azimat,
Aman negara itu matlamat.

Datang tantangan datang musibah,
Kekal bersatu janganlah rebah,
Hiduplah dengan semangat muhibah,
Negara kukuh nikmat bertambah.

Jauhi kelahi dengan berunding,
Hilangkan runsing elak membanding,
Biar seiring hidup berganding,
Ada sepiring sama ditating.

Hidup berpecah roboh bahtera,
Itulah punca rakyat sengsara,
Mari bersatu menjana sejahtera,
Aman dan maju harmoni negara.

Syaairku alun sampai di sini,
Kataku tenun mari hayati,
Ayuhlah teman hidup harmoni,
Negara yang aman pasti diberkati.



SYAIR TAAT

Oleh: Norliza binti Md Tamin

Syair karangan buat kerabat,
Hidup berliku ranjaunya hebat,
Madu dan racun pahit dan sarbat,
Jadi penawar segala ubat.

Taat kepada tuhan rabbani,
Jauhi sifat lagak sengkuni,
Pohonkan doa bersih rohani,
Perisai dirimu bagai kersani.

Taat si anak pada keluarga,
Lembut tuturnya tingkah dijaga,
Mengatur hala bagai celaga,
Di akhirat kelak tiada dahaga.

Bicaranya sakti bagai peluru,
Buatlah baik selalu diseru,
Carilah guru tahu seteru,
Terpandu hidupmu tiada keliru.

Saling percaya persahabatan,
Kasih dan sayang seluas lautan,
Taat setia teguh ikatan,
Janganlah khianat walau di rotan.

Pupuklah hati berbaik sangka,
Hidup madani jiwa merdeka,
Tingkah dijaga janganlah leka,
Adab bicara jangan terluka.

Kepada pemimpin taat sentiasa,
Jaga negara buatlah jasa,
Elak sengketa jadilah keluangsa,
Taat setia terbela bangsa.

Demikian doa seluruh rakyat,
Sentiasa bersatu setiap saat,
Ambil iktibar kisahnya waadat,
Jika engkar nescaya merempat.



SYAIR TONGGAK DUA BELAS

Oleh: Norliza binti Md Tamin

Syair karangan kasih dan sayang,
Bermadah indah hamba menumpang,
Panduan hidup saat di simpang,
Tonggak dua belas bukan sebarang.

Dalam buaian lagi dienjut,
Berdendang rejang syair berajut,
Bersulam nasihat pesan melanjut,
Dewasa kelak tidak dikujut.

Bila bekerja tepati masa,
Segerakan tugas jangan kelesa,
Seronok bekerja sedia sentiasa,
Berdedikasi orang selesa.

Rendahkan hati orang menegur,
Usahlah kabur tetap dan tugur,
Taat setia jangan menagur,
Jangan menjadi si kayu punggungur.

Bersifat sabar bukannya mudah,
Orang mulia menjaga lidah,
Bertimbang rasa sifat mahmudah,
Pengaruh teladan hidupmu indah.

Dipandang mulia bagai arjuna,
Jangan terlena didunia yang fana,
Hidup biarlah bersederhana,
Amanah dibahu jangan gegana.

Jangan di beza agama dan bangsa,
Hidup nan rukun aman sentosa,
Kemana pergi rasa selesa,
Tonggak dua belas amalan sentiasa.



SYAIR MUAFAKAT JIWA PERPADUAN
Oleh: Yahaya bin Abdullah

Rakyat berikhtiar setiap masa,
Gembleng tenaga dan usaha.
Saling menghormati semua bangsa,
Bersama pertahankan maruah negara.

Hendaklah usaha menggunakan akal,
Perkara buruk dapat disangkal.
Hasilnya nanti dijadikan bekal,
Menjadikan hidup sentiasa cekal.

Hidup dalam sebuah masyarakat,
Perlu diikut norma dan adat.
Tidaklah hidup menjadi sendat,
Ikatan muafakat menjadi padat.

Ada masalah duduk berfikir,
Banyak perkara dapat diukir.
Yang buruk dapat disingkir,
Hidup muafakat sehingga akhir.



SYAIR PERPADUAN BUSANA MALAYSIA

Oleh: Nurazlin binti Masnan

Baju Melayu sutera bersinar,
Dipakai rapi penuh bergetar,
Ibarat bangsa hidup bersandar,
Rukun Negara tidak tersasar.

Songket dijahit penuh hiasan,
Lambang budaya adat warisan,
Laksana rakyat teguh wawasan,
Bina negara dengan kepercayaan.

Kebaya labuh cantik bertata,
Disarung mesra mengikat cinta,
Umpama terpatери berpadu jiwa,
Tetap bersatu walau berbeza.

Cheongsam indah merah berseri,
Corak bercahaya di bumi baiduri,
Bagai hati bersulam harmoni,
Melayu, Cina, India peribumi sehati.

Sari beralun lembut membelai,
Membalut jasad rapi bernilai,
Seperti kasih tidak terlerai,
Berpadu erat tidak terabai.

Ngepan Sinuangga gemilang bercorak,
Sarat reka penuh semarak,
Persis negara mula bertapak,
Ganding bersama memberi dampak.

Tanjak tampan di atas kepala,
Lambang wira berhati waja,
Penaka warga sentiasa bersama,
Aman sentosa tanpa sengketa.

Busana tradisi kekal sakti,
Tanda watan sepakat murni,
Misal rakyat memadu janji,
Bersatu selamanya Malaysia lestari.



SYAIR SEMARAK PERPADUAN SENI BUDAYA

Oleh: Nurazlin binti Masnan

Di tanah bertuah kita berdiri,
Hidup bersatu aman serasi,
Bagai tenunan indah berseri,
Berbeza corak tetap sehati.

Sirih junjung adat dihormati,
Lambangkan budi yang tidak mati,
Melayu, Cina, India peribumi,
Penuh muhibah, setia dan pasti.

Kuih-muih tersusun di dulang,
Pelbagai rasa tetap diulang,
Penaka kaum aman senang,
Bersatu padu tanpa halang.

Wayang kulit dipentaskan ramai,
Mengisahkan hikmah cerita santai,
Laksana masyarakat hidup damai,
Semangat sepakat, tidak terlerai,

Gendang dipalu rentak sehati,
Irama harmoni mengisi hati,
Umpama bangsa saling mengerti,
Tiada jurang, kasih abadi.

Pelamin bersanding penuh warna,
Berbeza cara tetap terima,
Menghormati adat budaya dijaga,
Menjalin cinta tanpa sengketa.

Wau tinggi di awan biru,
Lambang cita utuh bersatu,
Seperti rakyat berpadu padu,
Membina negara dalam restu.

Seni budaya menjadi hiasan,
Memupuk jiwa, menyatukan insan,
Malaysia megah pelbagai watan,
Harmoni teguh sepanjang zaman.



SYAIR PERTAHAN PERPADUAN
Oleh: Muhammad Azri bin Azman

Cintaku pada tanah air bukan cinta biasa,
Sayangnya aku padanya,
Rela gadaikan nyawaku sebagai gantinya,
Kelak banggakan seluruh buana.

Perpaduan yang dibina,
Jangan dikacau, diusik, dijentik mahupun dihina,
Ianya bukti perjuangan nenek moyang kita bersama,
Jangan digugat rasa kasih milikkan mesra.

Merdeka kita untuk anak cucu tercinta,
Merasa bahagia bukan sengsara derita,
Perpaduan ini marilah dijaga,
Kelak roboh musnahlah apa yang dibina.

Tiap saat detak jiwa bernyala,
Pertahan kasih dan semaikan cinta,
Agar merdeka bukan sekejap cuma,
Terus abadi kekal selamanya.



SYAIR BERPAYUNG TOLERANSI
Oleh: Zaliha binti Senik

Hamba mengarang satu risalah,
Tersusun kata umpama makalah,
Jadi pedoman jangan berbalah,
Perihal perpaduan makrifat terserlah.

Rakyat Malaysia pelbagai etnik,
Satu rumpun sangatlah unik,
Harmoni berangkai umpama manik,
Budaya berbeza tidaklah panik.

Hidup harmoni berpayung toleransi,
Sepakat jadi peneman di sisi,
Perpaduan kaum menjadi saksi,
Negara aman sudah berpaksi.

Hidup sama saling hormat,
Dalam hati sedia tersemat,
Perpaduan benih buahnya rahmat,
Aman rukun negara selamat.

Budaya bangsa jurang dirapat,
Hidup bersatu selagi dapat,
Berbeza agama tidak diumpat,
Dalam negara mendapat tempat.

Maju negara kecap bersama,
Satu suara sama bergema,
Merdeka negara kekalnya lama,
Walau hidup berbeza agama.

Bila bersatu negara harmoni,
Musuh ditentang dengan berani,
Semua sudah sepakat kini,
Hidup rukun sama jalani.

Perpaduan itu jadi amalan,
Bangsa berlainan jadikan taulan,
Serumpun serai jadi bidalan,
Penyatuan bangsa moga berkekalan.



SYAIR SATU JIWA

Oleh: Zaliha binti Senik

Mari tuan dengar bersama,
Peri perpaduan sama terima,
Usaha diterap sekian lama,
Budaya berbeza adil saksama.

Perpaduan akar rakyat harmonis,
Bagai buah masaknyanya manis,
Hindar segala semua yang sinis,
Juga pendapat berjenis-jenis.

Pelbagai budaya jadi warisan,
Bukan sekadar untuk hiasan,
Semat dijiwa tinggalkan kesan,
Penyatuan bangsa tonggak wawasan.

Keamanan negara bukan direka,
Tidak tercapai andainya leka,
Harmoni rakyat negara merdeka,
Semua nikmat kecapi belaka.

Semua kaum saling hormat,
Setiap rakyat peroleh selamat,
Hidup serumpun sama matlamat,
Pasti nikmati segala rahmat.

Kaum berbeza saling interaksi,
Tempuhi cabaran jua situasi,
Sepakat selam mutiara solusi,
Pasti bersinar semua visi.

Hindari dari segala sengketa,
Satukan jiwa sepakatkan kata,
Nyala perpaduan umpama pelita,
Jadi penyuluh tika gelita.

Semoga coretan jadi panduan,
Tercapai hajat jua tujuan,
Akan termakbul visi penyatuan,
Beroleh cita capai perpaduan.



SYAIR PERPADUAN UTUH
Oleh: Mohd Jais bin Ismail

Melayu, Cina, India, Serani,
Warga asli tenang di sini,
Iban, Melanau hidup berseni,
Kadazan, Bajau sangat harmoni.

Berbagai bangsa aneka budaya,
Pakaian tradisi ketika raya,
Dipakai bersama sangat bergaya,
Antara kita saling percaya.

Seronok bermain belajar bersama,
Berbual mesra tonton drama,
Salin kenal sekian lama,
Ikhlas berkawan perpaduan terjelma.

Rumah terbuka agenda negara,
Senyuman terukir tanda mesra,
Makan bersama tentu selera,
Perpaduan terserlah memang ketara.

Pemimpin negara acap berpesan,
Hidup harmoni sesama insan,
Bertutur sopan secara lisan,
Perpaduan mantap hidup berkesan.



SYAIR BERSATU DALAM KEPELBAGAIAN
Oleh: Amirah Syazwani binti Baderol Sham

Malaysia ini nusa tercinta,
Aman Makmur serata-rata,
Perpaduan bukan laungan semata.
Dikukuh dipahat sebagai senjata.

Kepelbagaian bangsa dirai bersama,
Perbezaan pendapat sama diterima,
Malaysia MADANI rujukan utama,
Sepakat bangsa tekad bekerjasama.

Hak termaktub jangan dituding,
Keistimewaan dimiliki usah dibanding,
Kita sebangsa bukan bertanding,
Timbul masalah bawa berunding.

Pelbagai kaum hidup bersatu,
Membina jalinan setia bersekutu,
Susah senang sama membantu,
Demi membina perpaduan jitu.

Perpaduan bangsa kekuatan negara,
Benteng seandai musuh mara,
Tetap bersatu tanpa mengira,
Setiap kita adalah bersaudara.

Semangat kekitaan tak akan mati,
Andai semua saling menghormati,
Kekayaan negara sama dinikmati,
Demi pertiwi setia sehati.

Mari bersama eratkan perpaduan,
Ambil jernih buang kekeliruan,
Jangan negara kembali ditawan,
Hancur musnah gara kekacauan.



SYAIR KISAH PERPADUAN BANGSA

Oleh: Amirah Syazwani binti Baderol Sham

Syair digubah kisahnya bangsa,
Dahulu dijajah diselubung seksa,
Hidup bersama tidak merasa,
Kepercayaan hilang tiada bersisa.

Setelah merdeka diseru bekerjasama,
Bangsa trauma sukar terima,
Dipecah perintah terlalu lama,
Usaha bersatu sukar menjelma.

Dasar negara usaha menyatu,
Pelbagai kaum harus bersekutu,
Hidup bersama saling membantu,
Aman makmur ekonomi jitu.

Perpaduan ini jalannya tak mudah,
Banyak duri yang telah diredah,
Usah ada pihak bermadah,
Mencipta sengketa mengundang padah.

Telah bersatu sebuah bangsa,
Hidup rukun makmurkan nusa,
Berbeza fikiran hal biasa,
Jangan perbesar membenih binasa.

Perpaduan terus kita kukuhkan,
Kepelbagaian kaum sama diraikan,
Bersatu bukan semata sukan,
Sepanjang masa kesatuan diutamakan.



SYAIR BERSATULAH KITA

Oleh: Ishar bin Hassan

Kita hidup di negara Malaysia,
Tanahnya terletak di Benua Asia,
Buminya subur jangan dipersia,
Bersatu menjaga sepanjang usia.

Dahulu kita di jajah Inggeris,
Moyang melawan bersenjatakan keris,
Mati musuh berbaris–baris,
Hingga tiada satu pun yang tiris.

Kini kita sudah merdeka,
Bersatulah bekerja jangan leka,
Jangan kita mengundang celaka,
Kelak negara menjadi neraka,

Negara kaya dengan bahan mentah,
Ada galian sawit dan getah,
Semuanya itu bersama kita ratah.
Agar negara makmur rakyat betah.

Walau kita berlainan bangsa,
Susah senang sama-samalah rasa,
Jaga hati sepanjang masa,
Takut negara rosak binasa.

Apabila negara sudah maju,
Kekalkan matlamat arah tuju,
Moga negara bergerak laju,
Melangkah ke depan menjadi teraju.

Bersatulah kita wahai sahabat,
Jangan asyik hendak berdebat,
Hulurkan tangan kita berjabat,
Moga perpaduan kekal tertambat.



SYAIR KISAH NEGARA KITA
Oleh: Ishar bin Hassan

Ini kisah negara kita,
Rakyatnya ramai merata-rata,
Hidup aman seia sekata,
Tidak bergaduh atau bersengketa.

Dalam hidup sehari-hari,
Masing-masing cuba berdikari,
Mencari rezeki yang tidak terperi,
Untuk keluarga dan juga diri.

Disebabkan kita berbilang bangsa,
Jagalah hati jangan terasa,
Kelak nanti rosak binasa,
Negara musnah tidak bersisa.

Masa bergaul biarlah sopan,
Dari belakang atau pun depan,
Umpama perahu dengan sampan,
Sama-sama menghadap taufan.

Pada yang susah kita bantu,
Jangan biarkan mereka buntu,
Takut terasuk perangai hantu,
Bercakap seorang tidak menentu.

Berkorbanlah untuk negara,
Setiap saat tanpa berkira,
Agar negara terus mara,
Berada di atas puncak menara.



SYAIR PERPADUAN MERINTAS JAYA
Oleh: Zurhan bin Bakar

Malaysia negara berbilang bangsa,
Uniknya bahasa, seni dan budaya.
Rakyat hidup damai dan sentosa,
Pegang erat pada Rukun Negara.

Nenek moyang menempuh cabaran,
Memugar laluan membina harapan.
Perpaduan rakyat perlu dikukuhkan,
Aspirasi negara masa hadapan.

Jati diri dan berperibadi tinggi,
Integrasi kaum dalam komuniti.
Raikan perbezaan dan toleransi,
Ketepikan ego dan penting diri.

Jambatan perpaduan telah dibina,
Persefahaman asas teguh tapaknya.
Keharmonian hidup jadi budaya,
Membina kukuh negara bangsa.

Perpaduan rakyat merintis jaya,
Bentuk identiti bangsa Malaysia.
Berganding bahu bekerjasama,
Maju masyarakat gemilang negara.



SYAIR TAUTAN SERUMPUN

Oleh: Nazri bin Mohd Zain

Alkisah ada sebuah nusa,
Dihuni pelbagai ras dan wangsa,
Hidup bermuafakat sudah biasa,
Suasana damai kekal sentiasa.

Setiap etnik punyai pandangan,
Berbeza cadangan bukan halangan,
Amalkan toleransi diskriminasi jangan,
Hidup harmoni pasti berpanjangan.

Berkongsi rezeki ramai setuju,
Bersatu padu ekonomi maju,
Pemimpin bahari jadi peneraju,
Nusa makmur pelabur tuju.

Buang rasa iri dengki,
Ingatlah kehidupan duniawi bukan hakiki,
Sejarah kegemilangan leluhur dijejaki,
Segala kekurangan segera diperbaiki.

Sesama warga usahlah takbur,
Kelak perpaduan akan lebur,
Menyemai ihsan bertambah subur,
Janganlah pula usaha kabur.

Bersama taulan jagalah pekerti,
Gundah-gulana sahabat hulurkan simpati,
Resam setiap kaum dihormati,
Nescaya hidup ini Allah SWT berkati.



SYAIR JALINAN PERPADUAN
Oleh: Siti Sa'adah binti Saidin

Di bumi bertuah kita bersatu,
Pelbagai bangsa berjiwa satu,
Berpayung kasih harmoni dibahu,
Setia berpadu tiada yang ragu.

Marilah bersama kita merangka,
Sebulat suara satukan nada,
Menyimpul erat ikatan mesra,
Berbeza kaum tak kira budaya.

Kasih dan sayang saling menghormati,
Setiap tangan menghapus benci,
Jalinan mesra impian sejati,
Malaysia tercinta berabdi dihati.

Adat budaya khazanah berharga,
Melangkah kita satu suara,
Menyemai kasih menggapai cita,
Membentuk Malaysia negara tercinta.

Hidup harmoni bagai pelangi,
Setiap warna indah di hati,
Teguh bersama berani berdiri,
Perpaduan kita kejayaan abadi.



SYAIR PERPADUAN CITRA BANGSA

Oleh: Syarifah Norbaizura binti Syied Mhd Safie

Bangkit bersama bersatu kita,
Kekalkan ukhuwah hindari sengketa,
Berpaksi rukun negara rakyat jelata,
Teguh gemilang Malaysia tercinta.

Kaum Melayu, Cina dan India,
Perkasa jati diri peribadi mulia,
Memacu agenda mengukir bahagia,
Megah dijulang ke persada dunia.

Pelbagai etnik menjunjung martabat,
Masyarakat majmuk jalin sepakat,
Penuhi harapan di tanah berdaulat,
Menuju matlamat kebaikan sejagat.

Hidup berjiran janganlah sombong,
Berbudi bahasa wajar disokong,
Amalan bekerjasama bergotong-royong,
Erat silaturrahim sedia menolong.

Adat tradisi saling hormati,
Menyubur mesra sebuah komuniti,
Perbezaan dirai mengukuh integriti,
Wawasan dicapai kemakmuran dinikmati.

Citra budaya tonggak aspirasi,
Bertolak ansur pupuk tolenrasi,
Nadi perjuangan melakar transformasi,
Keamanan dilestari merentas generasi.

Bina peradaban dan nilai murni,
Mendidik warga jiwa insani,
Satu gagasan terpancar harmoni,
Hayati konsep Malaysia Madani.

Berkibar megah panji kebanggaan,
Bertilang bangsa semarak kesetiaan,
Semangat muhibbah merintis kesejahteraan,
Perpaduan kukuh teras kejayaan.



SYAIR ASPIRASI PERPADUAN GENERASI CEMERLANG
Oleh: Nurulherina binti Burhanuddin

Rakyat Malaysia aman merdeka,
Terkenal dengan pelbagai budaya,
Perpaduan sebagai tonggak negara,
Penentu kejayaan kestabilan terjaga.

Kaya dengan berbilang bangsa,
Mesra walau berlainan agama,
Perbezaan bukan halangan utama,
Kasih dan sayang mekar di jiwa.

Bersama pelihara suasana harmoni,
Menyemai perpaduan saling hormati,
Prinsip dijaga dan bertoleransi,
Menuju kejayaan seluruh generasi.

Adat resam harus dipupuk,
Jangan dilupa tidakkan lapuk,
Muafakat terjalin masyarakat majmuk,
Seiring berganding teguh berpaut.

Memacu kemakmuran tanpa sempadan,
Pastikan cemerlang setiap lapisan,
Ekonomi dikukuh bertambah mampan,
Megah berdiri mencapai kemajuan.

Ukhuwah disemai bersatu-padu,
Teguh melangkah berpusu-pusu,
Menuju jalan bertambah maju,
Perpaduan dijulang Malaysia negaraku.



SYAIR GEMILANG RONA PERPADUAN
Oleh: Mohd Saifullah bin Abd Rahim

Marilah taulan sanak saudara,
Satu semangat satu suara,
Berganding bahu bergaul mesra,
Menyemai cinta rakyat sejahtera.

Jalur gemilang martabat bersama,
Empat warnanya sinar menjelma,
Hasrat perpaduan gagasan utama,
Rona memukau membangkit sukma.

Biru dan merah terkandung makna,
Putih dan kuning takrifan membina,
Megah berkibar menggamit pesona,
Harapan menyala segenap buana.

Keamanan umpama intan permata,
Ukhuwah dipupuk hindari sengketa,
Hormat budaya daulat bertakhta,
Kuning warnanya payung mahkota.

Biru menawan raikan wawasan,
Pemimpin ulung cakna dan pesan,
Pelbagai kaum teguhkan barisan,
Indah jalinan kemuliaan insan.

Merah membara azam tersemat,
Tempuh rintangan penuh berhemat,
Generasi pewaris dilimpahi rahmat,
Tetamu bertandang berasa selamat.

Putihmu bersih lambang kesucian,
Bertunas kasih hapuslah kebencian,
Ikhlas diri semarak penyatuan,
Tekad di jiwa bersemi kejayaan.

Seia sepakat menyumbang jasa,
Rakyat bersatu berbilang bangsa,
Gembleng tenaga setiap masa,
Dirgahayu nusa aman sentosa.



SYAIR SEJAMBAK KUNCI PERPADUAN
Oleh: Samiron bin Rahmat

Salam dihulur buat saudara,
Berbeza warna tiada mengira,
Hidup bersama seluruh negara,
Masyarakat majmuk aman sejahtera.

Dasar dibentuk kukuh perpaduan,
Lestarikan rakyat berbilang haluan,
Jadi pemangkin capai kemajuan,
Intergrasi nasional harmoni tujuan.

Strategi DPN lunas perlembagaan.
Rukun Negara jadikan landasan,
Rakyat bersatu dasar digariskan,
Makmur bermaruah itulah harapan.

Ingatlah teman lipatan sejarah,
Dengan perpaduan halang penjajah,
Negara merdeka berkat mesyuarah,
Pemimpin kaum tidak berbantah.

Kekal bersatu pasca merdeka,
Berbimbing tangan sama berjaya,
Simbol perikatan sepakat kata,
Kerajaan dibentuk kesatuan bangsa.

Melayu Cina India dan asli,
Iban Kadazan pelbagai lagi,
Laksana ikatan bersimpul mati,
Jauh di sempadan dekat di hati.

Setiap bangsa berbeza budaya,
Bahasa dan cara aneka gaya,
Mana persamaan rai seadanya,
Sedikit berbeza sedia diterima.

Ibarat kunci sejambak rupa,
Diikat padu berpisah tiada,
Demikian tamsil membina negara,
Perpaduan dijana madani tercipta.



SYAIR MENJANA PERPADUAN
Oleh: Suhaimi bin Mohd Salleh

Wahai sahabat, tuan dan puan,
coretan ini mengenai perpaduan,
sebuah pertiwi dengan satu tujuan,
perpaduan penting demi kemajuan.

Pelbagai kaum, budaya dan pegangan,
tidaklah boleh dipandang ringan,
menyatukan watan bukan angan-angan,
semenjak merdeka bermula rancangan.

Perpaduan dicapai melalui komunikasi,
bahasa kebangsaan media berkongsi,
mudah dimengerti semua generasi,
terlepas daripada waham dan sangsi.

Waspadalah tatkala berkata-kata,
hal palsu usah dijadikan berita,
tidakkan kaya dengan berdusta,
anak cucu pula dihujani nista.

Hidup bermasyarakat sapa-menyapa,
tersenyum ikhlas apabila berjumpa,
bantu-membantu walaupun sesiapa,
bermaaf-maafan janganlah terlupa.

Tidak mudah menjana perpaduan,
agak banyak pemesong haluan,
mencipta suasana tidak keruan,
segera tumpaskan demi penyatuan.

Perpaduan kaum tonggak negara,
umpama tiang penegak menara,
apabila terhindar bibit huru-hara,
tidaklah warga berduka lara.

Demikian penting perpaduan dijana,
demi mencapai kehidupan sempurna,
tersisih daripada seksa merana,
bebas berkelana ke mana-mana.



SYAIR PESAN PERPADUAN
Oleh: Fadilah binti Hamada

Dengarlah wahai anak muda,
Penerus generasi yang sudah,
Fahami pesan dari si tua,
Jauhi sengketa berpadulah kita.

Jangan diungkap kata pemisah,
Hitam dan putih hanyalah warna,
Beza budaya samakan bangsa,
Darah mengalir serupa merahnya.

Adab berjiran saling menyapa,
Usah dibina tembok pembeza,
Muafakat dijalin kasih disertai,
Barulah hidup aman sentosa.

Corakkan negara satu bahasa,
Hormati sesama tak kira usia,
Teguh ukhuwah matlamat kita,
Umpama pohon keras akarnya.

Inilah syair untuk semua,
Madah diungkap ingatan bersama,
Hidup bersatu elak berbalah,
Lidi segenggam dipatah tak mudah.



SYAIR NASIHAT PERPADUAN

Oleh: Rorasiah binti Adek

Aduhai putera puteriku,
Usahlah mengungkit jauhi pergaduhan,
Belajar bertoleransi antara tua dan muda,
Belajar bersatu dan bertolak ansur.

Wujudnya perpaduan setiap bangsa,
Elakkan perpecahan dan persengketaan,
Saling memahami sesama jiran,
Asas perpaduan adalah kekeluargaan.

Sang putera puteri,
Musim kering sudahlah tiba,
Angin bayu bertiup kencang,
Bunga berguguran jatuh ditanah.

Jambatan ilmu,
Jambatan kukuh tempat menyeberang,
Telahku lengkapkan dengan ilmu pengetahuan,
Kelak hidup aman sejahtera.

Aduhai putera dan puteri,
Menuturkan bahasa yang murni,
Berbudi bahasa sopanlah santun,
Keselesaan pada rumpun masyarakat,
Singkirkan prasangka dari lubuk hati.

Tegur menegur amalan terpuji,
Hindarkan segala amalan keji,
Jangan mencaci sesama sendiri,
Hidup berjiran asas perpaduan.

Bergaul mesra bertukar fikiran,
Selisih faham kita elakkan,
Hidup bahagia masa hadapan,
Negara Malaysia berbilang bangsa.

Bertingkah pandangan sudah biasa,
Usah biarkan dimakan masa,
Kelak melarat menjadi bisa,
Bersama - sama jagai keamanan,
Gabungkan tangan,
Itulah simbol-simbol perpaduan.



SYAIR PERPADUAN MENUJU KEJAYAAN

Oleh: Nordin bin Hashim

Perpaduan bangsa amatlah penting,
Bertilang bangsa maju seiring,
Negara aman menjadi benteng,
Segala halangan usah melenting.

Pelbagai bangsa berbeza budaya,
Saling mengerti saling percaya,
Adakan rundingan jika bahaya,
Muafakat hidup penuh bergaya.

Hidup harmoni sepanjang masa,
Dalam negara beraneka bangsa,
Bermacam budaya beragam cita rasa,
Menambah pengalaman hidup selesa.

Setiap kita saling menghormati,
Menerima pandangan seikhlas hati,
Berada di landasan hukum dan pasti,
Persada dunia akan di perhati.

Wawasan negara perlu dicapai,
Melalui perpaduan agenda digapai,
Keharmonian hidup sudah pasti sampai,
Matlamat negara tidak bersepai.

Pelbagai kaum satu keluarga,
Muhibah terjalin dirasai warga,
Bertegur sapa bertambah ceria,
Negara maju rakyat bahagia.

Negara kukuh sudahlah pasti,
Amalan madani tersemat di hati,
Rakyat Malaysia berbudi pekerti,
Seluruh dunia menyanjung tinggi.

Perpaduan itu menuju kejayaan,
Punya matlamat arah haluan,
Gembleng tenaga teguh tujuan,
Malaysia maju jadi perhatian.



SYAIR HARMONI KITA
Oleh: Murely a/l Ponnusamy

Bersama melangkah, dalam satu rentak,
Rukun dan damai, kita berkampung,
Hidup bersatu, berbilang suku,
Dalam semangat, tak pernah pudar.

Langit cerah, sinari kita,
Pelangi muncul, tanda setia,
Semua bangsa, hidup selari,
Dalam cinta, kasih bersulam.

Tiada dendam, tiada benci,
Dalam hati, nurani bersih,
Saling bantu, saling peduli,
Satu keluarga, satu kasih.

Dalam nafas, kita rasa,
Satu jiwa, satu rasa,
Negara maju, bersama kita,
Harmoni kukuh, sepanjang masa.



SYAIR SATU JIWA SATU NEGARA
Oleh: Roslina binti Muhammad

Tanah Melayu asalnya nama,
Jadi tumpuan saudagar ternama,
Bertilang bangsa adat dan agama,
Amanlah makmur hidup bersama.

Raja yang adil akhlak semenggah,
Mari dijunjung segala titah,
Korbankan jiwa bermandi darah,
Pertahan negara demi maruah.

Taat setia dikendong sarat,
Taburlah jasa sepenuh kudrat,
Cintakan negara itulah syarat,
Mari bersatu sama sepakat.

Rungkai sengketa pupuk perpaduan,
Rukun Negara jadi panduan,
Melayu India Cina Kadazan,
Saling membahu tuju wawasan.

Darilah perlis hingga ke Johor,
Lautnya tenang tasiknya tohor,
Mari bersatu nyalakan obor,
Pastikan negara megah tersohor.



SYAIR GENDERANG JIHAD
Oleh: Roslina binti Muhammad

Lafaz Bismillah pembuka kalam,
Selingkar kisah menggeggar alam,
Makar Yahudi tak pernah diam,
Menjarah Islam siang dan malam.

Diratah kejam seluruh butala,
Dendam kesumat kian menggila,
Yahudi laknat mengundang bala,
Umat dikhianat pasti terbela.

Bumi Palestin rakus dilanyak,
Tiada lagi tidur yang nyenyak,
Seantero ceruk bom meledak,
Tidak dihirau wanita dan budak.

Pantang menyerah sebelum kalah,
Bangkit mujahid serata arah,
Merafak sembah rahmatnya Allah,
Tidak secuit jiwanya lelah.

Kobar semangat julang pertiwi,
Genderang jihad bertabuh jaki,
Gelimpang mayat tiada peri,
Darah yang limpah baunya kasturi.

Ayuhlah wahai seluruh jagat,
Bersatu demi Islam selamat,
Tumbangkan Israel bangsa khianat,
Bugar kembali maruah umat.



SYAIR KEPELBAGIAN MENGIKAT

Oleh: Mohammad Safuan bin Abdul Rahim

Utara Selatan Timur dan Barat,
Menyatu hati tempat bertaut,
Tautnya hati bersama niat,
Niat memikat terus mengikat.

Mengikat dek kasih sayang,
Kasih dan sayang bukan kepalang,
Merintis jalan penuh peluang,
Beza berisi membuka mata.

Terisi ruang dengan kepelbagaian,
Kepelbagaian kurniaan Tuhan,
Supaya kita saling berkenan,
Saling berkenan mengikat Watan.

Watan terikat kerana Rukun,
Rukun ditegak terus menyantun,
Menyantun jiwa penuh harapan,
Supaya terisi jiwa dan batin.

Harapan terbina demi Nusa,
Perpaduan terbina menyatu jiwa,
Rukun dijunjung demi Negara,
Tanah tumpah darahku Malaysia.



SYAIR PERPADUAN KITA

Oleh: Chai Kam Loong

Rakyat Malaysia hidup bersatu,
Berbilang bangsa dalam satu padu,
Tiada benci tiada cemburu,
Perpaduan teguh semakin padu.

Berjalan bersama di lorong damai,
Keharmonian kita tidak akan usai,
Bersama mendaki puncak yang ramai,
Satu semangat dalam permai.

Hormat-menghormati jadi amalan,
Setiap kaum berikan sumbangan,
Saling membantu, tiada halangan,
Semangat sejahtera jadi pedoman.

Berbeda warna tiada masalah,
Bersatu hati di tanah bertuah,
Bahasa, budaya jadi mudah,
Bersama membina negara indah.

Malaysia gemilang kita bina,
Dengan perpaduan tiada hampa,
Setiap langkah diiringi doa,
Untuk negara tercinta sentiasa.



SYAIR CITRA PERPADUAN

Oleh: Masriyah binti Misni

Negara Malaysia berbilang bangsa,
Rakyat bersatu hidup sentosa,
Berbeza pandangan sudah biasa,
Berlapang dada setiap masa.

Berbeza budaya bukan halangan,
Bekerjasama hadapi rintangan,
Bersikap terbuka dalam rundingan,
Harmoni nusa kian berpanjangan.

Bersatu padu sahut seruan,
Bersihkan minda fokus haluan,
Setiap warga tentukan tujuan,
Kelak Malaysia jadi tumpuan.

Sentiasa semai semangat perpaduan,
Hendaklah jauhi sentimen perkauman,
Jauhi iri tingkatan persefahaman,
Malaysia maju sepanjang zaman.



SYAIR PERPADUAN NADI PEMBANGUNAN NEGARA

Oleh: Masriyah binti Misni

Keharmonian kaum sentiasa dipelihara,
Menjamin negara aman sejahtera,
Jauhi permusuhan dan caci cerca,
Masyarakat bahagia tiada sengsara.

Sentiasa bersikap bertoleransi,
Jauhi sikap berhasad dengki,
Bertindak secara berdiplomasi,
Masalah negara dapat atasi.

Berbilang bangsa berpadu erat,
Jiran dan taulan harus sepakat,
Segala usaha harus muafakat,
Kelak negara beroleh berkat.

Sejajar dengan naratif agama,
Menekankan keadilan sesama bangsa,
Berganding bahu bekerjasama,
Berpadu tenaga membangunkan negara.



SYAIR JITU PERPADUAN

Oleh: Jelison Jupin

Salam pembuka syair karangan,
Kepada watan buat dendangan,
Seni warga berpimpin tangan,
Hormat setia tiada bandingan.

Rumah terbuka penuh sambutan,
Berbilang suku tunjuk sahutan,
Tertib ramah simpul ikatan,
Kuih muih hidangan tempatan.

Bulan merdeka disambut bangga,
Dikibar bendera lapisan warga,
Di dalam diri ikrar terjaga,
Pertahan nusa tidak terhingga.

Bahasa Kebangsaan kian selesa,
Sama ditutur setiap masa,
Tonjol jati diri anak bangsa,
Jadi pujian khalayak antarabangsa.

Semua menghormati agama rasmi,
Kumandang azan sama difahami,
Amalan lain bebas diselami,
Bumbung bersebelahan tetap kompromi.

Aliran sekolah tiada halangan,
Ibu bapa membuat perbandingan,
Ke mana anak timba kenangan,
Utuh keharmonian teras junjungan.

Jitu perpaduan amatlah indah,
Di negeri orang menjadi madah,
Keunikan negara dijadikan wadah,
Teladan baik jalan memperindah.

Hujung kalam karangan syair,
Bela kemakmuran sampai ke akhir,
Elak sengketa menjadi getir,
Agar pewaris sentosa lahir.



SYAIR MALAYSIA TERCINTA

Oleh: Mohamad Afizy bin Kamaruzaman

Aku Melayu anak Malaysia,
Lahir di bumi yang kaya raya,
Bertuah sungguh rasa di jiwa,
Hiduku sennag tiada sengsara.

Berbilang kaum bersatu-padu,
Islam dan Buddha mahupun hindu,
Hitam dan putih atau kelabu,
Boleh berpakat mampun bersatu.

Darilah Perlis hingga ke Johor,
Sabah Sarawak sama tersohor,
Bumilah Malaysia sudahlah masyhur,
Rakyar peramah berbudi luhur.

Malaysiaku ini amat ku cinta,
Tempat lahirku membina cita,
Teruslah aman itu ku pinta,
Bahagialah hidup sesama kita.



SYAIR HARMONI TANAH MALAYSIA
Oleh: Muhammad Zulhusni bin Zakaria

Tanah Malaysia indah berseri,
Bersatu padu rakyat harmoni,
Walau berbeza adat dan budi,
Tetap bersama, seiring sehati.

Melayu, Cina, India berbaris,
Bersama kita gagah mengaris,
Semua bangsa tidak terkikis,
Dalam perpaduan, bernafas manis.

Dari utara hingga ke selatan,
Semangat bersatu jadi kekuatan,
Tiada renggang walau berlainan,
Satu Malaysia, satu tujuan.

Jangan dipecah tali ikatan,
Kukuh dipintal kasih dan iman,
Malaysia makmur kekal berzaman,
Perpaduan negara, jadi pedoman.



SYAIR PERPADUAN

Oleh: Suhil Khan bin Sharifullah

Berbilang bangsa berpadu erat,
Jiran tetangga harus sepakat,
Segala usaha biar muafakat,
Agar hidup menjadi berkat.

Tegur menegur amalan terpuji,
Hindarkan segala amalan keji,
Jangan mencaci sesama sendiri,
Kelak hidup sentiasa dibenci.

Hidup berjiran asas perpaduan,
Bergaul mesra bertukar fikiran,
Jadikan ia sebagai pedoman,
Hidup bahagia masa hadapan.

Bersama-sama jagai keamanan,
Saling memahami sesama jiran,
Elakkan perpecahan dan persengketaan,
Supaya hidup aman kesejahteraan.



SYAIR PERPADUAN SELENDANG BIRU

Oleh: Hunter anak Mengga

Saling berkenalan, hormat-menghormati,
Berkasih sayang, sesama manusiawi,
Bersangka baik perasaan dihati,
Memaafkan sentiasa, keikhlasan diberi.

Indahnya masyarakat, harmoni sejahtera,
Hikmahnya bersatu, rakyat jelata,
Jika berantakan, hilanglah sejahtera,
Sejarah yang berlaku, diinsafi bersama.

Ujian Covid melanda dunia,
Bersatu dan sabar hadapi bersama,
Saling menolong cakna tetangga,
Jangan terputus makanan yang ada.

Negara bangsa Malaysia tercinta,
Berbilang kaum, etnik dan rupa,
Saling bertaa'ruf kekuatan dijana,
Perbezaan dirai demi negara.



SYAIR PERPADUAN TANAH AIR

Oleh: Muhammad Iskandar bin Abd Halim

Bumi bertuah luas terbentang,
Rakyat bersatu penuh cemerlang,
Berbilang kaum, tiada yang pincang,
Kasih tersulam, aman berkembang.

Agama dijunjung, adat dihormati,
Walau berbeza tetap sehati,
Saling menghargai, hidup serasi,
Itulah kekuatan, perpaduan abadi.

Negeri aman hasil muafakat,
Tiada sengketa, tiada khianat,
Saling membantu dalam minat,
Malaysia bersinar, rakyat sepakat.

Di laut, di darat, semuanya satu,
Menuju kemajuan tanpa jemu,
Perpaduan kita kekal bersatu,
Malaysia terbilang, makmur selalu.



SYAIR JIWA MERDEKA

Oleh: Mohamad Ika Danial bin Abdullah

Dengan ikhlas anakanda mengarang,
Sugul di dada bila dikenang,
Harapan menggunung anakanda julang,
Memerdekakan jiwa bangsa terbilang.

Tok Janggut, Rentap dan Maharajalela,
Pahlawan berani mengangkat senjata,
Biarpun ajal di depan mata,
Penjajah diperangi, tuntutan merdeka.

Usah diulang tragedi berdarah,
Perpaduan kaum retak merekah,
Membara dendam juga amarah,
Terkorban jiwa angkara serakah.

Tanah air kaya budaya,
Melayu, Cina dan juga India,
Janganlah sengketa sesama kita,
Damai sentosa selama-lama.

Segenap rakyat berlainan pandangan,
Satu di kiri dan satu di kanan,
Perbezaan pendapat sama raikan,
Jurang pemisah eloklah dirapatkan.

Sabah Sarawak dalam Malaysia,
Kepelbagaian tradisi tiada terkira,
Toleransi masyarakat petua bahagia,
Hidup harmoni bebas beragama.

Pupuklah diri bersikap hormat,
Sopan susila elok tersemat,
Rukun Negara jadikan azimat,
Malaysia Madani dilaung semangat.



SYAIR BERSATU KITA PENUH BERDAYA
Oleh: Mohamad Amirul Fitri bin Yazid

Di bawah langit biru, cahaya bersinar terang,
Perpaduan warna-warni, alam terhampar panjang.
Burung berkicau ceria, melukis senja indah,
Sinar mentari terbenam, hangat dalam jiwa senada.

Air mengalir lembut, suara alam berbisik,
Rindu di dalam hati, semakin kuat terikat.
Bunga bermekaran, harum semerbak wangi,
Dalam pelukan kasih, kita menari bersama.

Di antara derai tawa, kita berjumpa kembali,
Seribu harapan terbang, mewarnai mimpi.
Langkah kita berdua, dalam irama seirama,
Mendayung bahtera cinta, menempuh setiap rintangan.

Gelora semangat membara, takkan pernah pudar,
Perpaduan jiwa dan raga, takkan pernah tersisih.
Bersama kita arungi, lautan tak berbatas,
Cinta kita abadi, selamanya terjalin erat.

Kita satu dalam suara, harmoni tak terpisah,
Selamanya bersinar, bagaikan bintang di angkasa.
Dengan tiap detak jantung, kita jadi satu,
Syair perpaduan ini, ungkapan rasa yang tulus.



SYAIR PERIHAL NUSA

Oleh: Nur Pattin Hakima binti Yahaya

Wahai saudara dengarlah cerita,
Tentang semangat satu bangsa,
Di bumi Malaysia bersatulah kita,
Bersama berpadu dengan setia.

Pelbagai kaum hidup harmoni,
Berbeza bahasa adat tradisi,
Namun bersama kita berdiri,
Menjunjung aman damai dihati.

Melayu, Cina, India bersua,
Juga kaum lain bersama,
Berkongsi nikmat hidup sejahtera,
Dalam semangat perpaduan mesra.

Janganlah kita berpecah-belah,
Kerana perbezaan usah disanggah,
Saling menghormati itulah petuah,
Menjulung nusa aman dan megah.

Bersatulah kita seiring sejalan,
Mengharung cabaran sekuat lautan,
Selagi bersatu dalam kemerdekaan,
Negara makmur berkekalan aman.



SYAIR PERPADUAN MADANI
Oleh: Abdullah bin Abdul Rahman

Tanah Melayu dan bunga raya,
berbilang bangsa serta budaya,
negara makmur menuju jaya,
capai merdeka dengan swadaya.

Tiga belas Mei jadi huluhan,
rusuhan kaum tidak keruan,
meraja bagai tidak bertuan,
rakyat sepadu sasar tujuan.

Rukun Negara bernilai murni,
pupuk marhaen hidup harmoni,
aman dan damai bagi penghuni,
teguh menyatu sifat isani.

Jalin muhibah hormat bersemi,
persengketaan harus dibasmi,
sama bertutur bahasa rasmi,
bertoleransi menjadi resmi.

Sabah, Sarawak etnik perdana,
terap prihatin terus dicakna,
bertambah maju dek prasarana,
dan perpaduan kukuh terbina.

Melayu, Cina, India sama,
berbagai kaum juga agama,
bersatu padu paling utama,
Konsep MADANI pacu saksama.

Anwar Ibrahim berkerah asa,
membela rakyat hidup selesa,
tuju sebuah negara bangsa,
Malaysiaku nusa perkasa.



SYAIR BERSATU

Oleh: Rohaida binti Sa'at

Dengarkan ini sebuah cerita,
Cerita tentang negaraku Malaysia,
Masyarakat berbilang kaum dan bangsa,
Bersatu padu setiap masa.

Melayu, Cina dan juga India,
Kaum yang lain tidak dibeza,
Rakyat merasa perubahan semasa,
Kemajuan dicapai untuk semua.

Setiap perayaan disambut bersama,
Bertukar juadah jiran tetangga,
Harmoni tercapai selepas Merdeka,
Kesan penjajahan tiada di jiwa.

Terima kasih wahai pemerintah,
Penat dan lelah tidak diendah,
Rakyat jelata menjunjung titah,
Nikmat pembangunan tercapailah sudah.

Warna biru lambang perpaduan,
Memupuk semangat cintakan kedamaian,
Hubungan baik tiada sempadan,
Malaysia Madani memaknai kehidupan.

Renungkanlah semua makna perpaduan,
Bukan sekadar menjadi sebutan,
Akan tetapi jadikan pedoman,
Kekal bersatu tiada pergaduhan.



SYAIR KEPELBAGAIAN PERPADUAN
Oleh: Mohd Fudzail bin Mohd Nor

Perlembagaan menjamin kebebasan beragama,
Menghormati kepercayaan yang berbeza,
Walau Islam teramai penganutnya,
Agama rasmi persekutuan Malaysia.

Perpaduan antara penganut agama,
Keamanan dan rukun sejahtera,
Keadilan dan kesaksamaan bersama,
Merangkum kepelbagaian negara.

Melarang menghina sembah,
Kerana menimbulkan kemarahan,
Dendam dan kedengkian,
Hingga menimbulkan perkelahian.

Sentimen mementingkan diri,
Semangat berpuak-puak kroni,
Dalam kezaliman dan saling membenci,
Tidak digalakkan di bumi bertuah ini.

Aset paling mahal warga keseluruhan,
Mengutamakan kerukunan, kedamaian,
Kesepakatan menghadapi pelbagai cabaran,
Dalam dan luaran menongkah masa depan.



SYAIR TUNJANG PERPADUAN
Oleh: Mohd Fudzail bin Mohd Nor

Sifat berlapang dada permukaan,
Saling memaafkan kelemahan,
Bermurah hati ramah kemesraan,
Sukacita orang lain meraih kejayaan.

Sopan santun berbelas kasihan,
Dalam komunikasi dan perhubungan,
Tidak sempurna iman,
Sehingga kasih kepada taulan.

Cintakan watan sebahagian iman,
Merujuk kepada belas ehsan,
Kepada golongan faqir kemiskinan,
Tidak berdaya dan kasihan.

Perpaduan antara kaum dan bahasa,
Komposisi kaum unik lagi istimewa,
Mencerminkan bangsa besar dunia,
Bahasa kebangsaan menyatukan kita.

Saluran perhubungan yang sejahtera,
Pada peringkat nasional semasa,
Menciptakan langit dan bumi semesta,
Berlainan warna kulit dan bahasa.

Mendaulatkan bahasa kebangsaan,
Satu bahasa perpaduan,
Tiada bangsa yang dinafikan,
Ruang dan peluang keadilan.



SYAIR HARMONI

Oleh: Adillah binti Abu Mansor

Wahai saudara saudari sekalian,
Ikut nasihat guru dan pesan,
Bulat air kerana pembentung,
Bulat manusia kerana muafakat.

Perpaduan umpama sebuah kunci,
Menjaga ia mendapat harmoni,
Pilihan dihati,
Tiada siapa yang boleh benci.

Manusia berakal sukar dicari,
Buku dan hidup jalan selari,
Gosip dan fitnah tolak ke tepi,
Sekilas ikan di air sudah memahami,
Bila menilai guna akal dan hati.

Perpaduan mengajar sebuah harmoni,
Saling memahami dan menghormati,
Harmoni tidak boleh dijual beli,
Keharmonian tetap kekal dihati.



SYAIR ENAM BITARA

Oleh: Muhamad Nabil Aliff bin Jasmin

Ibu Pertiwi Tanah Tercinta,
Dengarlah Syair Pejuang Kata,
Anak Bangsawan Anak Jelata,
Berbilang Bangsa Hidup Serata.

Manis Tuturnya Sopan Bersila,
Melamar Kasih Pantun Disela,
Dihias Songkek Tanjak Tun Nila,
Resam Melayu Bangsa Susila.

Lentera Kertas Indah Berseni,
Menyeri Malam Hingga ke Dini,
Raya Disambut Penuh Harmoni,
Budaya Cina Rona Insani.

Cantik Menawan Butir Lukisan,
Berupa Merak Banyak Kiasan,
Di Depan Rumah Jadi Hiasan,
Kolam India Adat Warisan.

Di Bawah Bayu Negeri Itu,
Terlindung Aman Sudahlah Tentu,
Rumpunnya Ramai Bukan Suatu,
Majulah Sabah Utuh Bersatu.

Naung Dibawah Bumi Kenyalang,
Kaum Rakyatnya Bukan Kepalang,
Mewah Tradisi Tidak Terbilang,
Sarawak Teguh Makmur Gemilang.

Orang Asali Penyeri Nusa,
Pelbagai Suku Hidup Di Desa,
Tempok Kepala Sulaman Wangsa,
Menjaga Satwa Rimba Sentosa.

Ibu Pertiwi Kami Hormati,
Enam Bitara Tetap Sehati,
Seragam Bahu Terus Berbakti,
Demi Namamu Rela Bermati.



SYAIR PERPADUAN

Oleh: Muhammad Syazwan bin Mohd Yusoff

Berbilang bangsa berpadu erat,
Jiran tetangga harus sepakat,
Segala usaha biar muafakat,
Agar hidup menjadi berkat.

Tegur-menegur amalan terpuji,
Hindarkan segala amalan keji,
Jangan mencaci sesame sendiri,
Kelak hidup sentiasa dibenci.

Hidup berjiran asas perpaduan,
Bergaul mesra bertukar fikiran,
Jadikan ia sebagai pedoman,
Hidup bahagia masa hadapan.

Bersama-sama jaga keamanan,
Saling memahami sesama jiran,
Elakkan perpecahan dan persengketaan,
Supaya hidup sentiasa aman.



SYAIR BERSATU BERTAMBAH MUTU
Oleh: Puitiong Gee @ Awang bin Abdullah

Pelbagai bangsa warisan budaya,
Itulah harta kebanggaan kita,
Sama dipupuk sama dipelihara,
Identiti negara sama dibangga.

Masyarakat majmuk jalin muhibah,
Berbaik sangka elak berbalah,
Rakyat bersatu negara gagah,
Janganlah sokong membawa rebah.

Perpaduan bangsa perlu dijaga,
Dari rebung dilenturkan masa,
Jadi rakyat cintailah nusa,
Hasrat membina Malaysia sejahtera.

Kesatuan kita jadi teladan,
Banyak negara memberi pujian,
Ini contoh yang perlu dipertahan,
Jangan sampai kita kecundang.

Rukun Negara jadi formula,
Menyati kaum semua bangsa,
Jaga susila pergaulan kita,
Jauhi hasrat berburuk sangka.

Semua agama ada menyeru,
Agar kita sama bersatu,
Sama memacu negara maju,
Kita bersatu bertambah mutu.



SYAIR PERPADUAN TUNJANG KEHARMONIAN
Oleh: Siti Aishah binti Roni

Wahai rakan wahai kenalan,
Dengar ini hamba berpesan,
Teguhkan jiwa kukuh perpaduan,
Demi kemakmuran negara watan.

Peristiwa bersejarah jadi pedoman,
Jangan kita terbuai hasutan,
Bersatu padu jadi keutamaan,
Perpaduan tunjung asas keharmonian.

Lima prinsip ikrar setia,
Menjadi pegangan idealogi negara,
Bukti perpaduan jiwa Malaysia,
Jadi bualan dipersada dunia.

Isu agama jangan kau sentuh,
Kedaulatan negara jangan kau rempuh,
Bersatu padu terus diperkukuh,
Agar negara terhindar lumpuh.

Perbezaan bukan jadi penghalang,
Kepelbagaian bukan punca sengketa,
Ayuh kita turun ke gelanggang,
Bersatu padu bahagia jelata.



SYAIR RAKYAT BERSATU

Oleh: Chin May Leng

Rakyat bersatu teguh berdiri,
Tanpa mengira warna dan seri,
Di bumi Malaysia penuh harmoni,
Hidup sejahtera, aman berlari.

Melayu, Cina, India sehati,
Menjalin kasih tiada terhenti,
Di desa, di kota sama berbakti,
Membina negara dengan integriti.

Bagai anyaman rotan yang kukuh,
Perpaduan ini jangan rapuh,
Bersama kita menuju yang utuh,
Menggapai kejayaan, tiada yang runtuh.

Berbeza budaya bukan penghalang,
Bersama kita mencipta peluang,
Rakyat Malaysia hidup gemilang,
Damai dan aman, bebas cemerlang.

Laut dan gunung tetap bersua,
Begitu jua kita semua,
Walau berbeza adat dan cara,
Bersatu kita, kuat selamanya.

Dalam syair ini tersimpan makna,
Bahawa kita satu keluarga,
Perpaduan ini anugerah berharga,
Hingga akhir masa, kita berjaya.



SYAIR JIWA PERPADUAN, JIWA MERDEKA

Oleh: Siti Nur Ain Waqiyah binti Zawawi

Satu suara, satulah jiwa,
Perpaduan ini membawa bahagia,
Negara tercinta kita bina,
Dengan kasih dan juga setia.

Pelbagai bangsa hidup bersama,
Mekar perpaduan dalam mesra,
Tiada yang lebih indah dirasa,
Selain harmoni di bumi tercinta.

Di bumi ini, kita bertapak,
Setiap inci, berharga tinggi,
Dengan kasih dan cinta yang tegak,
Negara ini kita lindungi.

Walau angin badai menggoncang,
Semangat kita tetap utuh,
Perpaduan rakyat, tiada hilang,
Kita berdiri, kuat dan teguh.

Malaysia ini kita pertahankan,
Dengan tangan yang erat bersatu,
Hingga akhir, kita perjuangkan,
Untuk negara tercinta, tiada jemu.

Gunung menjulang, laut membiru,
Melambai rindu pada yang pergi,
Setiap sudut, setiap waktu,
Cinta Malaysia di hati bersemi.

Takkan kita berpecah belah,
Walau ujian datang menduga,
Selagi hayat di dalam jasad,
Kita semua tetap setia.

Selagi hidup, selagi bernyawa,
Bersama kita bina sejarah,
Malaysia makmur aman selamanya,
Dengan perpaduan yang takkan tergoyah.



SYAIR PERPADUAN KITA TEGUH

Oleh: Muhammad Firdaus bin Abdul Hamid

Di bumi Malaysia kita berdiri,
Berbilang kaum, bersatu hati,
Tiada perbezaan warna dan tradisi,
Semangat muafakat, keazaman untuk bersinar.

Melayu, Cina, India bersatu,
Satu jiwa, satu impian baru,
Bangkit negara, kita bersatu,
Tiada jurang, kita sedang maju.

Kebebasan yang kita hargai bersama,
Saling menghormati, hidup selesa,
Tiang negara menjadi perisai,
Warnai negara dalam pemandangan.

Satu Malaysia, itulah ikrarnya,
Tiada perpecahan, tiada kemarahan,
Dalam perpaduan kita bersinar,
Bina negara, gemilang dan hebat.



SYAIR HIKAYAT SEBUAH KOTA
Oleh: Noor Azirah binti Jais

Ada sebuah kota nama Malaysia,
Rakyatnya berbilang-bilang bangsa,
Hidup bahagia aman sentosa,
Dipimpin Agong yang bijaksana.

Kota ini pelbagai hasilnya,
Minyak sawit salah satunya,
Pembuatan industri paling berjaya,
Minyak dan gas tidak kurangnya.

Maju kota kerana kerjasama,
Tanpa mengira pangkat dan harta.
Seiring membantu pertumbuhannya,
Hasil dikongsi bersama-sama.

Pencapaian rakyatnya luar biasa,
Membawa nama ke persada dunia,
Bidang sukan dan budaya contohnya,
Itulah berkat teguh bersama.



SYAIR LESTARI PERTIWI

Oleh: Rahmah binti Mohamad Aris

Bersatu teguh tamadun dibina,
Lerai sengketa tiada berguna,
Wahai bangsaku bangkit bersama,
Bumi Malaysia negara tercinta.

Akar perpaduan hidup bahagia,
Harmoni dicipta tak kira bangsa,
Jaga pekerti sentosa sentiasa,
Hidup aman negara sejahtera.

Masyhurkan nama negara kita,
Bila disebut rasa megahnya,
Kita bergading cipta jaya,
Disanjung dihormat di sini sana.

Rukun Negara teras bahagia,
Jangan ingkar daulatkan ia,
Kita merdeka sudahlah lama,
Lestarikan keamanan noktah tiada.



SYAIR PERPADUAN SEJATI
Oleh: Lydia Jane anak Masam

Wahai saudara dengarlah kata,
Perpaduan bangsa amat bermakna,
Melayu, Cina, India dan pelbagai bangsa,
Hidup harmoni di Malaysia tercinta.

Walau berbeda warna dan rupa,
Namun hati kita sama berusaha,
Saling membantu, saling percaya,
Membina negara dengan setia.

Perpaduan itu tali yang kuat,
Mengikat jiwa, erat dan hebat,
Walau badai melanda lebat,
Kita bersatu, terus melangkah ke hadapan.

Agama dan bangsa bukanlah sekatan,
Hormat dan kasih jadi panduan,
Dalam perpaduan, kita berjiran,
Meniti kehidupan dengan penuh keinsafan.

Jika bersatu kita bersama,
Tiada yang mampu menggugat kita,
Damai sentosa di tanah tercinta,
Perpaduan ini membawa bahagia.

Marilah kita menjaga rukun,
Tiada perselisihan, tiada yang murung,
Dengan perpaduan, kita bersantun,
Malaysia maju, hidup pun makmur.



KARYA PERTANDINGAN PENULISAN PUISI YANG TERPILIH

Syair

Kategori Remaja

SEMPENA
PROGRAM SANGGAR PUISI PERPADUAN 2024:
PERPADUAN DIRAI, BAHASA DISANTUNI

SYAIR PERPADUAN

Oleh: Nur Nadhirah binti Ahmad Zaidi

Perpaduan itu tiang negara,
Bersatu hati tiada sengketa,
Berbeza bangsa, agama serata,
Namun bersama menjunjung setia.

Warna kulit bukan ukuran,
Semua saudara seiring jalanan,
Saling menolong penuh harapan,
Membangun watan penuh impian.

Beza bahasa tak jadi halangan,
Budaya disulam dalam kesetiaan,
Bersama teguh dalam persekutuan,
Menjunjung martabat hingga kegemilangan.

Andai bersatu kita berdiri,
Tiadalah musuh datang mendekati,
Perpaduan membawa harmoni,
Negeri tercinta kekal abadi.



SYAIR LUKISAN WARNA JIWA, KANVAS PERPADUAN
Oleh: Auni Umairah binti Zinurain

Papan kanvas yang asalnya sunyi,
Menanti sentuhan jari jemari,
Dari jiwa yang takkan terhenti,
Mencipta mimpi menjadi eksistensi.

Kuning senja di arah timur,
Merah menyala di barat hancur,
Biru lautan tenang tak menyepi,
Hijau daun pelukan bumi.

Setiap warna memberi arti,
Menyatu lembut, mesra sejati,
Ibarat irama yang senantiasa indah,
Turutan nada, tautan mudah.

Perpaduan yang tiada batas,
Seperti coretan dalam gelas,
Takkan pecah meski terhempas,
Bersama erat, tidak terlepas.

Warna-warni saling menari,
Melukis cerita tanpa peri,
Di kanvas hati bangsa bersemi,
Membentuk satu, teguh berdiri.

Setiap warna membawa nada,
Harmoni jiwa dipenuhi makna,
Di kanvas perpaduan manusia,
Menjadi indah, penuh cahaya.



SYAIR PADUAN CITRA BANGSA

Oleh: Aliff Hiqmal bin Bazlan

Wahai anak bangsa, bersatu padu,
Jangan dibiarkan jadi kelu,
Perpaduan teguh, asas berseru,
Negeri tercinta aman sentiasa berlaku.

Dari utara hingga selatan,
Berpada hati, tegakkan watan,
Setiap jiwa, penuh keinsafan,
Tanpa perpecahan, teguh persatuan.

Jangan dibiarkan jurang yang lama,
Sama-sama junjung satu agama,
Yang jauh didekat, yang dekat disama,
Biar gemilang tanah pusaka mulia.

Musuh tidak takut pada yang pecah,
Tapi hormat pada yang megah,
Perpaduan itu wira gagah,
Memimpin jiwa dengan langkah bijaksana.

Biar hujan ribut melanda desa,
Bersatu hati, kuatkan karsa,
Kerana bangsa yang berakhlak mulia,
Tidak akan goyah, tegak seirama.



SYAIR SERUAN NUSA BERPADU

Oleh: Aliff Hiqmal bin Bazlan

Berpadu bangsa dalam satu nama,
Menyingkap sejarah yang lama terbenam,
Dari luka sengketa silam yang merana,
Kita bina kasih, bak titian emas dan permata.

Bersama-sama menyusun langkah,
Dalam keharmonian takkan goyah,
Setiap insan seumpama suluh,
Menerangi kegelapan, menghindar musuh.

Jangan diceraikan hati nurani,
Berbeza pandangan itu lumrah insani,
Namun kesatuan lebih abadi,
Tatkala kita berdiri satu destinasi.

Bina perpaduan tanpa rasa dendam,
Menyerlahkan martabat bangsa yang cemerlang,
Tidak kenal lagi benua atau alam,
Hati yang bersatu menjadi terbilang.

Jiwa merdeka tiada terikat,
Dalam ikatan kasih yang erat,
Seluruh bangsa, gagah dan hebat,
Mengangkat maruah tanah berdaulat.



SYAIR WAHAI ANAK MUDA

Oleh: Wan Norzulaiha Afiqah binti Shamsulazam

Wahai anak muda harapan bangsa,
Bersatu padu penuh cinta,
Mengangkat martabat bumi merdeka,
Demi tanah air yang sejahtera.

Perpaduan benteng negara,
Dalam mempertahankan warisan dan bangsa,
Hidup bahagia tanpa sengketa,
Teguh berdiri kekal berjaya.

Sahlah lupa bakti para pejuang,
Bermati-matian musuh ditentang,
Kemerdekaan berhasil dengan cemerlang,
Kini hidup dinikmati dengan gemilang.

Bersatu hati menjadi saksi,
Tanah air ini pusaka abadi,
Jangan biar harta dijual beli,
Sejarah negara sangat bernilai.

Dulu penjajah datang menguasai,
Merampas hak tanpa simpati,
Rakyat tetap berani mati,
Perjuangan mereka tidak dipandang sepi.

Marilah kita saling beringat,
Perpaduan tercipta negara selamat,
Wahai anak muda janganlah tersesat,
Demi melahirkan pemimpin yang hebat.



SYAIR SEMANGAT PERPADUAN

Oleh: Nurul Iman binti Ahmad Muliana

Bangkitlah kita wahai saudara,
Di bumi ini harapan disemai jua,
Dengan semangat yang tiada terlerai,
Perpaduan teguh, menjadi pakai.

Di laut biru ombak berdebur,
Begitu juga kita beralur,
Walau berbeza jalan dan tempur,
Tetap sehati, tak akan kabur.

Walau ribut datang menghalang,
Kita tidak akan tewas ditentang,
Satu niat, satu haluan,
Membina bangsa, perpaduan jadi sandaran.

Jika layu daun di ranting,
Kita tetap kuat, terus berpaut,
Kerana perpaduan ini terpatri padu,
Tak mudah goyah dihempas ribut.

Biar panas mentari memijar,
Biar hujan lebat mencabar,
Kita tetap mara dengan sabar,
Perpaduan ini tidak akan pudar.

Dalam susah, dalam senang,
Hati kita tidak akan bimbang,
Kerana perpaduan ini penenang,
Penyuluh jalan, obor yang terang.

Maka, bangkitlah wahai sekalian,
Dengan semangat membakar perasaan,
Perpaduan bangsa jadi benteng,
Menjulang bangsa, penuh kesenangan.

Kita berdiri teguh, kukuh,
Tiada yang mampu memisahkan tubuh,
Perpaduan ini milik kita,
Pusaka nenek moyang selamanya.



INDERALOKA DIVERSITI

Oleh: Vaneesa anak Angkau

Kepelbagaian budaya penuh etika,
Diversiti bangsa berbagai aneka,
Jenuh bersengketa hindari malapetaka,
Negara harmoni jiwa Merdeka.

Pancaroba 13 Mei tunjang pedoman,
Berganding bahu hadapi dugaan,
Bersatu padu mahkota kedamaian,
Negara Malaysia bernadikan perpaduan.

Semangat perkauman disegani merata,
Keakraban persaudaraan saujana mata,
Berbeza agama seia sekata,
Berkibarkan Jalur Gemilang tercinta.

Bersatu hati hidup bermuafakat,
Integriti bangsa kekal dimartabat,
Saling menghormati membawa berkat,
Malaysia Madani membentuk sepakat.



SYAIR NASIHAT BANGSA BERMUAFAKAT
Oleh: Siti Sarlinie binti Kamalur

Dengarlah wahai rakan dan taulan,
Syairku dendang buat renungan,
Moga berguna buatmu teman,
Jadi teladan sepanjang zaman.

Bangsa Malaysia bangsa berdaulat,
Rumpun bahasa budaya sejagat,
Bentuk negara bina muafakat,
Keluarga Malaysia mendapat berkat.

Melayu, Cina juga India,
Berbilang bangsa rakyat Malaysia,
Hidup harmoni tiadalah sengketa,
Tolong-menolong bekerjasama

Tua dikenang muda berjasa,
Santun bicara berbudi bahasa,
Agar tiada hati terasa,
Nilai agama terjaga sentiasa.

Ambillah intan kiranya ada,
Syairku ini semat didada,
Terbit dihati sedar di minda,
Daulat Malaysia tiada ternoda.



SYAIR IKATAN PERPADUAN

Oleh: Meor Aiman Iswanddy bin Asmadi

Aku berdiri di bumi bertuah,
Berbilang bangsa, tiada berpecah,
Walau berbeza adat dan sejarah,
Namun kalbu tak pernah lelah.

Bahasa dan budaya kita pelbagai,
Namun harmoni tetap membekal,
Kasih sayang kita kekal terjalin,
Membina bangsa yang tak tergoyah.

Dari utara ke selatan,
Di timur dan barat serentak bersemi,
Kita berdiri sebagai kawan,
Tanpa curiga, penuh semangat.

Tak kira suku, tak kira rona,
Selagi kita bersama-sama,
Malaysia ini kekal langgeng,
Dalam jalinan kasih sentosa.

Marilah kita terus bersatu,
Menghargai setiap yang satu,
Hormat dan cinta jadi kukuh,
Perpaduan ini ikatan perkasa.



SYAIR MENYOROT PERPADUAN

Oleh: Meor Aiman Iswanddy bin Asmadi

Bumi bertuah tanah beradu,
Berbilang suku, sejiwa padu,
Walau berbeza adat diseru,
Kita bersatu teguh tak layu.

Berbatas warna, namun serasi,
Hati berpadu dalam harmoni,
Teguh janji takkan berduri,
Perpaduan ini abadi berseri.

Angin lembut membawa pesan,
Dari timur barat saling berkenan,
Tiada yang rapuh, tiada kelam,
Kita bersama, berpeganglah aman.

Satu janji ikatan azali,
Teguh seperti gunung yang tegar,
Berpadu jiwa, tidak berkecai,
Perpaduan ini cinta yang rukun.

Dalam gelora kita bertahan,
Berpegang kuat takkan tertawan,
Selagi ada kasmaran terjalin,
Bangsa teguh, makmur terjamin.



SYAIR PERPADUAN JALUR GEMILANG

Oleh: Muhammad Ikhwan Hakimi bin Mohd Yusuf

Dengarkan tuan syair dikarang,
Tentang luhurnya Jalur Gemilang,
Erti perpaduan ia menjulang,
Menyatu rakyat agama berbilang.

Jalur gemilang simbolik bangsa,
Menyemai cinta kepada nusa,
Tak kira waktu dan juga masa,
Di dalam jiwa semarak terasa.

Jalur Gemilang megah berdiri,
Setiap wilayah setiap negeri,
Sama berkongsi tiadalah iri,
Perlu hayati setiap hari.

Jalur gemilang harus dikibar,
Walau di kampung juga di bandar,
Rasa sengketa dapat dihindar,
Negara bangsa kekal membugar.

Jalur gemilang pegangan rakyat,
Di dalam hati teguh disemat,
Jadikan ia lambang keramat,
Negara harmoni makmur selamat.



SYAIR SUARAKU

Oleh: Siti Sarah binti Dzulkifli

Indahnya hidup dalam perpaduan,
Tiada sengketa tiada keluhan,
Berbeza bangsa namun sehaluan,
Membina negara penuh kebahagiaan.

Bahasa berbeza tidak menjadi halang,
Adat dijunjung budi dikenang,
Kasih mesra terus berkembang,
Di dalam hati perpaduan gemilang.

Gunung tinggi kita mendaki,
Lautan luas sanggup direnangi,
Bersama kita gagah berdiri,
Menyatu semangat tanpa dicemari.

Warisan moyang tetap dijaga,
Menghormati budaya dengan setia,
Perpaduan bangsa menjadi tiang,
Menjunjung amanah hingga usia senja.

Hidup bersatu penuh makna,
Segala halangan mudah terima,
Biarpun rintangan datang melanda,
Dengan perpaduan kita pasti berjaya.



SYAIR HARAPANKU

Oleh: Siti Sarah binti Dzulkifli

Perpaduan indah mahkota bangsa,
Menjadi warisan zaman ke zaman,
Bersatu kita dalam satu rasa,
Membangun negara penuh aman.

Berbeza bangsa, agama, dan budaya,
Namun sejiwa dalam setia,
Kasih tersulam takkan terlera,
Di tanah bertuah didiami kita semua.

Biar ombak datang melanda,
Gunung tinggi kita daki jua,
Dengan semangat yang tiada tara,
Perpaduan ini takkan binasa.

Adat dijaga bahasa dihormati,
Menghargai warisan yang suci murni,
Bersama kita teguh berdiri,
Melangkah maju seiring harmoni.

Bersatulah hati dalam ketulusan,
Menjaga nusa penuh keinsafan,
Tiada yang kurang tiada tersisih,
Perpaduan kita kekal berseri.



SYAIR SATU WARNA DALAM PELANGI

Oleh: Nur Azyyati binti Asri

Kita datang dari tanah berbeza,
Laut, bukit, padang, dan desa,
Namun jiwa kita serupa,
Bersama di bawah langit yang sama.

Perpaduan bukan sekadar kata,
Ia denyut nadi sebuah bangsa,
Satu warna dalam pelangi,
Saling melengkapi, tiada iri.

Dalam langkah kita berganding,
Tangan erat tanpa asing,
Setiap senyuman adalah benang,
Menjahit luka menjadi bintang terang.

Jangan biar retak di antara,
Perselisihan kecil jadi durjana,
Kerana kita, meski berbeza rupa,
Tetap satu dalam jiwa merdeka.



SYAIR ASAS PERPADUAN

Oleh: Siti Nurfatimah binti A Rahman

Kasihnya hidup penuh persaudaraan,
Menyatukan jiwa dalam kedamaian,
Seiring sejalan dalam keharmonian,
Menggapai impian dengan perpaduan.

Lihatlah bintang di langit sana,
Beraneka warna tetap sempurna,
Begitulah kita ditakdir seharusnya,
Berbeza-beza tetap setia.

Tiada lagi telingkah sia-sia,
Tangan bersalaman, hati terbuka,
Dalam kesamaan kita berjaya,
Membangun bangsa penuh bahagia.

Mari bersama kita menjaga,
Warisan bangsa tanah tercinta,
Perpaduan sebagai tiang negara,
Masa depan gemilang pasti terbina.

Bersatu hati, satukan jiwa,
Melangkah bersama menorak ke depan,
Perpaduan kaum adalah kuncinya,
Membawa nusa wijaya kita.



SYAIR BERSATU, KUNCI PERPADUAN BANGSA

Oleh: Alifah Ilyana binti Ahmad Nasir

Bersatu padu kita bersama,
Berbilang kaum hidup sejahtera,
Beza agama adat budaya,
Menjadi wadah penyatuan bangsa.

Jiran tetangga saling mengunjung,
Melontar kata jangan menyinggung,
Adab disemai akhlak dijunjung,
Hidup berkat usahlah sombong.

Bahasa Melayu lambang perpaduan,
Nilainya tinggi dasar kesatuan,
Tutur katanya penuh kelembutan,
Menyatu bangsa jaga kedamaian.

Marilah semua bersatu hati,
Tolong menolong amalan terpuji,
Hindarkan sifat iri hati,
Jikalau tidak ingin dibenci.



SYAIR PERPADUAN

Oleh: Dia Fadila binti Mahadir

Berkasih sayang sesama insan,
Tiada beza miskin atau bangsawan,
Semua hidup dalam persamaan,
Bersatu hati, teguh perpaduan.

Hidup bersama dalam damai,
Elakkan sengketa jangan bercerai,
Walau bangsa tidak serupa,
Kasih sayang kekal selamanya.

Bulat air kerana pembedung,
Bulat manusia kerana muafakat,
Jika bersatu semua senang,
Negara makmur rakyat berkat.

Berbeza bangsa jangan dibangkit,
Berbeza agama jangan diungkit,
Kita semua saudara sejalan,
Bersatu hati teguh di awan.

Di mana bumi dipijak setia,
Di situ langit dijunjung kita,
Jangan berpecah sesama kita,
Bersatu membangun negara tercinta.

Perpaduan tonggak kemajuan,
Tanpa sengketa, tanpa kebencian,
Marilah kita eratkan tangan,
Bersama menuju masa depan.

Hidup aman damai selalu,
Selagi kita tidak berlalu,
Perpaduan kekal jitu,
Negara makmur maju seteru.



SYAIR PERPADUAN KITA BERSAMA

Oleh: Nurshuhada Nabila binti Mohamad Hairulsah

Berpaduan di tanah penuh makna,
Malaysia tercinta, warna seribu budaya,
Laksana kain ditenun bersama,
Berbilang bangsa, bersatu jiwa,
Hidup aman, sentosa selamanya.

Melayu, Cina, India, serumpun sehati,
Bersama adat, budaya tiada terperi,
Sabah, Sarawak bersinar bak mentari,
Cinta Malaysia, teguh tak bertepi,
Setia berbakti, bangsa lestari.

Duhai Malaysia, marilah bersatu,
Bina negara, makmur dan maju,
Bersatu teguh, berceraai roboh,
Menghadapi badai, cabaran ditempuh,
Dengan semangat, kita berhimpun.

Warisan bangsa kekal terpelihara,
Malaysia maju, bersinar di dunia,
Atas perpaduan, tiada yang sia-sia,
Kejayaan menanti, di tangan kita.



SYAIR DENYUT NADI RAKYAT SEJAGAT
Oleh: Falhah Fartiah binti Azin

Dalam jiwa kita, satu cita terukir,
Menyatu bersama, tak kan terpisah,
Kita datang dari pelbagai warna,
Bersatu padu, itulah makna.

Hidup ini adalah pelangi,
Berkelip indah, beraneka warna,
Dalam satu nada, kita bergema,
Cinta kasih menghapus luka.

Mari kita rapatkan barisan,
Jalin kasih, buat kebahagiaan,
Tiada perpecahan, hanya persahabatan,
Dalam bingkai indah, bersatu padu.

Setiap langkah, kita seiring,
Menjadi satu, tanpa perpisahan,
Dalam perbezaan, kita belajar,
Mencipta harmoni, satu tujuan.

Dalam kebersamaan kita temui,
Jalan menuju sinar yang sejati,
Bersatu hati, bersatu langkah,
Menuju kedamaian yang hakiki.

Tiada warna kulit yang membezakan,
Hanya iman dan budi sebagai nilai,
Perpaduan rakyat tiada tandingan,
Menyatukan hati dalam kasih sejati.

Akhir kata, ingatlah ini,
Perpaduan adalah kunci sejati,
Dengan bersatu, kita mampu terbang,
Menggapai cita, menembus langit.



SYAIR PERPADUAN MADANI

Oleh: Nur Aliah Qistina binti Ahmad Tarmizi

Masyarakat kita berbilang bangsa,
Hidup bersama tanpa prasangka,
Dalam harmoni penuh mesra,
Malaysia Madani, cita-cita bersama.

Kaum Melayu, Cina dan India,
Semua bersatu, tiada sengketa,
Bahasa dan adat jadi budaya,
Menghormati sesama, itulah tanda.

Pelbagai agama kita pegang,
Dalam aman hidup seimbang,
Tiada perselisihan, tiada temberang,
Kasih sayang erat terpampang.

Dalam Madani nilai disanjung,
Kemanusiaan dan adil disambung,
Berpada bangsa tanpa berbelah,
Menuju kemajuan, harmoni terarah.

Bersama kita membina negara,
Menjaga keamanan penuh setia,
Menolak kebencian, menolak derita,
Perpaduan kaum kekal selamanya.

Walau pelbagai rupa dan warna,
Satu hati, satu suara,
Menghayati Madani sebagai norma,
Malaysia makmur, aman sejahtera.

Bersama melangkah maju ke depan,
Perpaduan jadi pedoman,
Hidup bahagia penuh harapan,
Satu Malaysia dalam Madani berkesan.

Tiada yang lebih mulia di sisi,
Melainkan bersatu penuh harmoni,
Malaysia Madani, wadah berdikari,
Perpaduan kaum jadi inti pati.



SYAIR PERPADUAN SEJAGAT
Oleh: Veronica Telen

Di bumi luas kita berpijak,
Berbilang bangsa tidak terpecah,
Hati bersatu tiada retak,
Kasih bersemi tanpa berbelah.

Tiada beza warna kulit,
Semua sama di mata Tuhan,
Bersama teguh, tidak menyingkit,
Menjadi umat penuh kesatuan.

Elak permusuhan, eratkan tangan,
Bina negara penuh harapan,
Dengan kasih, iman dan kesabaran,
Mewujud perpaduan sepanjang zaman.

Marilah kita bersama setia,
Mengangkat darjat bangsa mulia,
Perpaduan jadi tunjang utama,
Agar dunia aman sejahtera.



SYAIR SULAMAN CINTA PERPADUAN

Oleh: Siti Nurbaya binti Arifin

Terlintas di bumi berbilang bangsa,
Hidup bersama penuh mesra,
Perpaduan jadi pelita,
Menerangi jiwa sepanjang masa.

Melayu, Cina, India bersatu,
Hidup harmoni tak pernah jemu,
Bekerjasama tanpa ragu,
Membangun negara hingga ke puncak mutu.

Agama berbeza, adat berlainan,
Namun semua saling menghormati,
Tiada sengketa, tiada permusuhan,
Itulah kunci aman sentosa dihuni.

Di desa, di kota, di mana berada,
Segala lapisan saling bercanda,
Kebahagiaan terpancar jelas di muka,
Perpaduan kaum mengikat setia.

Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing,
Dalam sukar, kita tak pernah berpaling,
Menghormati sesama jadi pegangan,
Mewarnai bumi dengan kedamaian.

Menyemai kasih tak kira warna,
Dari kecil hingga dewasa,
Teguh bersatu, teguh berjasa,
Menjadi bangsa yang tiada tandingannya.

Andai ribut melanda, badai datang,
Perpaduan kaum tetap dikenang,
Takkan goyah, takkan terbuang,
Inilah kekuatan yang terus menjulang.

Dengan ilmu dan kebijaksanaan,
Kaum-kaum bersatu teguh berjalan,
Menggapai impian, melakar harapan,
Untuk tanah air tercinta di masa hadapan.



SYAIR TEKAD PERPADUAN PENUHI HARAPAN
Oleh: Khairunisa binti Zul Kuraini

Tarikh keramat 31 Ogos 1957,
Ribuan saksi sejarah tercipta,
Jalur Gemilang berkibar megah,
Laungan merdeka dilontar gah,
Bebas tanah dihuni penjajah.

Portugis, Belanda, Jepun, British,
Diperangi sang wira tiada gentar,
Azam dipasak berkembang mekar,
Bermandi darah bukan penghalang,
Membela nasib negara terbilang.

Perpaduan kaum pencetus segala,
Nikmat merdeka dikongsi bersama,
Jangan diulang sejarah kedukaan,
Gembleng tenaga penuh harapan,
Maruah tanah ini perlu diperjuangkan.



SYAIR PERPADUAN

Oleh: Khairunisa binti Zul Kuraini

Renungkan kembali sejarah duka,
Saksi pejuang berkorban nyawa,
Menentang keras musuh negara,
Membela nasib tanah tercinta.

Masyarakat majmuk berbeza adat,
Hidup bersama penuh muafakat,
Raikan perbezaan dengan hormat,
Jalinan sepakat membawa berkat.

Hapuskan anasir membawa padah,
Gembleng tenaga usah berbalah,
Bebaskan minda dihuni penjajah,
Jangan biarkan kembali berdarah.

Sematkan azam membangun watan,
Pegang erat tali persaudaraan.
Hapuskan segala duri ancaman,
Tekad perpaduan penuhi harapan.



SYAIR PERPADUAN DI BAWAH SATU BENDERA
Oleh: Faiz Ashraf bin Joaner

Wahai tanah air bertuah dan nan indah,
Tiga bangsa bersatu dalam anugerah,
Melayu, Cina, India bersama searah,
Menyemai harmoni, damai tak terpisah.

Di puncak Gunung Kinabalu menjulang,
Semangat perpaduan tak pernah goyang,
Bersama kita berganding tangan cemerlang,
Dalam kebersamaan, jiwa tenang dan senang.

Biar adat berbeza tidak memisah,
Hati bersatu, jiwa tak pernah gundah,
Demi Malaysia tercinta takkan menyerah,
Kebanggaan rakyat, masa depan bertambah megah.

Dari desa hingga kota penuh ceria,
Berbagai warna menghiasi panorama,
Di bawah Jalur Gemilang, cinta bersemarak,
Malaysia makmur, rakyatnya teguh berakar.

Inilah tanah kita, warisan terjaga,
Bersama perpaduan, masa depan berharga,
Selamanya rakyat Malaysia setia menjaga,
Harmoni dan aman, negeri sentosa.



SYAIR MELANGKAH BERSAMA
Oleh: Nurul Syazreena binti Asraz

Bermula warkah kita bersatu,
Aneka bangsa dalam satu,
Hidup harmoni berganding bahu,
Perpaduan Malaysia yang amat jitu.

Satu jiwa kita bersama,
Berpelukan dalam ikatan cinta,
Membangun negara seia sekata,
Hidup rukun di bawah bahtera.

Bersatu hati, sehidup semati,
Membangun harapan penuh mati,
Dalam kebersamaan kita berdiri,
Bersama kita cita takkan henti.

Hidup bersatu dalam pelukan,
Perpaduan kita, tiada perpecahan,
Bersama kita bina harapan,
Menjadi satu, itulah keyakinan.



SYAIR MUHIBAH MEMBAWA BERKAH
Oleh: Muhammad Azizi bin Mohd Noor

Tanah air aman sentosa,
Pelbagai kaum serta bangsa,
Berganding bahu martabat diperkasa,
Nama Malaysia teguh sentiasa.

Busana anggun segak rupawan,
Bersua muka rakan taulan,
Ziarah menziarah jangan dilupakan,
Amalan mulia sepanjang zaman.

Pelihara bahasa tersusunnya kata,
Biar perpaduan terus bertakhta,
Tiadalah derita angkara sengketa,
Kesejahteraan abadi milik kita.

Pertahan keamanan bagai janji,
Harus dikota meski diuji,
Demi berarak iringan panji,
Di era gemilang megah terpuji.

Liku dugaan mesti dicabar,
Tidak takut tidak gentar,
Pahatan sejarah jadi iktibar,
Bawa semangat berkobar-kobar.



SYAIR PERPADUAN SEJATI

Oleh: Nur Aleesa binti Azize

Perpaduan menjadi tiang seri,
Menyatukan bangsa dalam harmoni,
Tanpa mengira warna dan rupa,
Kita bersama dalam cinta negara.

Bersatu kita teguh berdiri,
Menjulang maruah bumi pertiwi,
Setiap langkah penuh iltizam,
Membangun bangsa dengan tekad selam.

Dalam kepelbagaian kita bersinar,
Merangkul erat tanpa bersifar,
Bersama menuju impian jaya,
Memupuk perpaduan, hidup Sentosa.

Dari timur ke barat, utara selatan,
Rakyat Malaysia penuh kesatuan,
Hapuskan sengketa, jauhkan hasutan,
Marilah bina masa depan dalam keamanan.



SYAIR PERPADUAN PEMBIMBING RAKYAT DAN NEGARA

Oleh: Nur Fatin Asilah binti Mohammad Jailani

Negara Malaysia pelbagai bangsa,
Berbeza pandangan perkara biasa,
Jangan dibiarkan menjadi bisa,
Dendam terpaut hidup binasa.

Angin mentari berbual mesra,
Mengikat tali ukhwah tercinta,
Walau berlainan bangsa budaya,
Hidup bersatu tempuh bersama.

Jangan hidup dalam sarang,
Mengikut kaum serta bangsa,
Berkata buruk jangan sebarang,
Hati bersatu tanpa terasa.

Kunjung mengunjung hari raya,
Pelbagai juadah enak tersedia,
Alangkah hebat bertukar bahasa,
Mengenali adat bangsa berbeza.

Negaraku dinyanyi penuh semangat,
Jalur gemilang menari gembira,
Berdiri tegak jari dirapat,
Cinta akan negara tidak dilupa.

Kata sepakat perlulah ada,
Antara pentadbir berbeza bangsa,
Tugas dilaksanakan khianat tiada,
Negara maju aman sentosa.



SYAIR HARMONISASI BANGSA

Oleh: Nur Afrina Syazwani binti Mohamad Syahril

Ikatan ukhuwah yang utuh,
Walapun hidup saling berjauh,
Saling membantu satu berteguh,
Amalan bersatu hidup seluruh.

Satu padu harus dimiliki,
Rakan berbangsa sehidup semati,
Atma patriotik dalam diri,
Masyarakat jadi hidup harmoni.

Hidup bersama raya berbangsa,
Biar lain penuh pancawarna,
Hormati rakan biarlah suka,
Tidak kira agama dan bangsa.

Perpaduan sali kekal lama,
Menjadi sahmura kepada negara,
Dipandang tinggi seperti ancala,
Jadi panduan kepada dunia.

Agar hidup tidak berkabut,
Semangat bersatu saling bertaut,
Harus disemai memang patut,
Ikatan kukuh kekal berpaut.



SYAIR PERPADUAN KAUM

Oleh: Juliza Dapong anak Daniel

Di bumi bertuah, pelbagai rasa,
Warna-warni budaya, indah bersatu,
Setiap langkah, saling berasa,
Hati bersatu, satu tujuan di kalbu.

Dari utara hingga selatan,
Dalam seribu cerita yang terukir,
Kita bina jambatan, penuh harapan,
Menjadi satu, demi masa depan gemilang.

Tangan yang berbeza, tetap bersatu,
Menyulam kasih dalam perbezaan,
Di tengah badai, kita terus teguh,
Perpaduan ini, kekuatan sebenar.

Mari kita raikan, cinta yang tulus,
Dalam pelukan mesra, harmoni terjalin,
Dengan perpaduan, bangsa berbangkit,
Malaysia tercinta, jadi idaman setiap jiwa.



SYAIR HARMONI DALAM PERPADUAN
Oleh: Juliza Dapong anak Daniel

Di tanah berdaulat, kita bersatu,
Pelbagai budaya, satu tujuan,
Setiap suku, setiap warna,
Menghiasi langit, bintang yang bersinar.

Dari utara hingga ke selatan,
Kita raikan, perbezaan sebagai kekuatan,
Satu suara, satu hati,
Bersama mengharungi onak dan duri.

Bersatu padu, takkan terpisah,
Dalam suka dan duka, kita bersama,
Kasih dan sayang, jadi pegangan,
Malaysia tercinta, megah di persada.

Harmoni terjalin, dalam setiap langkah,
Dengan perpaduan, kita bina bangsa,
Semoga sentiasa, perpaduan ini,
Menjadi azimat, abadi dalam hati.



SYAIR MALAYSIA NEGARAKU
Oleh: Qaseh Dania binti Mahafiz

Negara indah nama Malaysia,
Berbilang bangsa juga agama,
Bersatu hati amalan kita,
Perpaduan dijaga teguh bersama.

Dari selatan hingga utara,
Tidak dilupa Borneo sana,
Rela berkorban demi negara,
Indah terasa aman merdeka.

Pemimpin bijak disayang semua,
Menjaga negara sangat berpada,
Rakyat pasti dibantu sentiasa,
Hidup gembira berakhlak mulia.

Melayu Cina dan juga India,
Sayang negara satu bendera,
Perpaduan menjadi senjata utama,
Supaya tiada lagi sengketa.

Marlah kita bersama-sama,
Berani kita untuk berjaya,
Berani mati pertahankan maruah,
Agar Malaysia aman sentosa.



SYAIR 1 KEKUATAN

Oleh: Siti Nornajihah binti Shamsudin

Saling menghormati membina ikatan,
Menjalin hubungan mencipta kenangan,
Mengukuhkan lagi perpaduan,
Hidup harmoni menjadi pegangan.

Kehidupan di Malaysia aman damai,
Kerana perpaduan yang dicapai,
Menjadikan kehidupan berakhir harmoni,
Anak cucu bersatu hingga ke mati.

Setiap insan memiliki perbezaan,
Jadikanlah ia sebagai satu keunikan,
Agar diri memperoleh kekuatan,
Meneruskan hidup dengan aman.

Hidup berkelompok mestilah bersatu,
Mencipta negara yang maju,
Kedudukan Malaysia menjadi satu,
Memberi kekuatan kepada individu.



SYAIR BERSATU DALAM PERPADUAN

Oleh: Nur Allysha binti Sanat

Di bawah langit yang cerah,
Beraneka warna kita bersatu,
Lautan budaya, tiada terbahah,
Hati dan jiwa, satu tujuan kita.

Dari pelbagai suku dan bangsa,
Kita selayaknya bergandingan,
Menggapai cita tak kenal rasa,
Perpaduan, kekuatan yang sentiasa.

Dalam suka dan duka yang melanda,
Kita berdiri, tiada putus asa,
Saling membantu tiada beranda,
Menjunjung tinggi nilai yang mulia.

Bila langkah kita seiring,
Ikatan kasih takkan pudar,
Di tengah cabaran yang mengiring,
Perpaduan jadi pelindung yang tegar.

Dalam perayaan kita bergembira,
Bersama menyemai benih bahagia,
Kekayaan budaya, harta berharga,
Perpaduan, lambang cinta yang nyata.

Mari kita jalin silaturrahim,
Menjadi satu, tak terpisah,
Dengan kasih sayang yang mendalam,
Perpaduan, cita yang kita pegang.

Di setiap langkah, kita berdoa,
Semoga perpaduan sentiasa ada,
Di hati kita takkan pudar,
Bersatu kita, selamanya.



SYAIR BERSATU DALAM PERBEZAAN
Oleh: Hendrick Voon Qing Fatt

Dalam pelangi, warna berbeza,
Hadir bersama, indah berseri,
Beraneka budaya, kita bergaya,
Dalam harmoni, rasa bersemi.

Satu suara, pelbagai nada,
Hati bersatu, tidak terpisah,
Dalam perbezaan, kita temui,
Kekuatan nyata, jiwa bersahabat.

Lautan luas, ombak berbeza,
Tetapi tetap, kita di satu,
Bersatu hati, tiada yang sia,
Perbezaan kita, kekuatan baru.

Mari kita sambut, dengan tangan terbuka,
Perbezaan kita, keindahan nyata,
Bersatu dalam cinta, dan kasih mesra,
Mewarnai dunia, menjadi lebih ceria.



SYAIR KITA SATU, KITA MALAYSIA
Oleh: Hendrick Voon Qing Fatt

Di bawah langit biru, kita berdiri teguh,
Pelbagai bangsa, budaya dan bahasa,
Dalam harmoni, kita mengukir sejarah,
Kita satu, kita Malaysia, tiada duanya.

Dari utara ke selatan, timur hingga barat,
Setiap langkah, kita berpegang erat,
Satu hati, satu jiwa, tanpa batas,
Beraneka warna, tapi satu arah tujuan.

Kita sambut hari, dengan semangat baru,
Menjunjung kasih, keadilan dan kebenaran,
Dalam perbezaan, kita temui kekuatan,
Kita satu, kita Malaysia, bersatu dalam impian.

Jangan biar perbezaan, jadi penghalang,
Cinta dan persahabatan, kekal dalam ingatan,
Bersama kita bangun, negara yang tercinta,
Kita satu, kita Malaysia, selamanya.



SYAIR PERPADUAN MENYEMAI HARAPAN

Oleh: Aziera Natasya binti Julaihi

Di tanah ini kita berpijak,
Di bawah langit yang biru terhampar,
Bertilang wajah, berbeza lidah,
Namun hati kita serupa bersinar.

Di setiap lorong dan desa,
Warna-warni kehidupan berbaur,
Satu langkah ke hadapan bersama,
Demi tanah air yang kita subur.

Bukan darah atau keturunan,
Yang jadi pengikat seluruh warga,
Namun semangat kental kesatuan,
Menyatu bangsa dalam bahtera.

Layar kita melawan gelora,
Dengan tangan erat berpegangan,
Membina jambatan dari jiwa,
Menggapai impian tanpa halangan.

Hujan dan panas silih berganti,
Menjadi saksi perjalanan ini,
Perpaduan bukan mimpi lagi,
Tapi kenyataan yang kita hormati.

Maju terus, anak bangsa,
Jangan lelah dalam perjuangan,
Perpaduan kunci segalanya,
Untuk Malaysia yang gemilang di hadapan.

Dalam nada dan irama yang satu,
Kita teguh menyulam masa depan,
Perpaduan adalah lagu merdu,
Yang abadi di kalbu insan.



SYAIR JALINAN KASIH
Oleh: Nur Saleha binti Razak

Di ufuk timur mentari bersinar ceria,
Menyatukan kita dalam satu jiwa,
Beraneka warna bagai pelangi di udara,
Setiap langkah kita dicipta dengan bahagia.

Berbagi cerita dalam tawa dan suka,
Walau jauh hati kita takkan berbeda,
Seperti akar pohon menembus tanah kita,
Menyokong satu sama lain takkan berhenti berusaha.

Kita bangun harapan demi cita yang mulia,
Berpegang tangan takkan pernah kita rela,
Dalam pelukan persaudaraan kita seia sekata,
Semangat bersatu menggapai bintang di angkasa.

Mari bergandeng tangan menelusuri jalan raya,
Menembus batas demi masa depan yang bercahaya,
Setiap langkah kita jadi jejak yang berharga,
Perpaduan kita kekuatannya takkan pudar selamanya.

Dengan bersatu hati kita ukir cerita,
Menjadi inspirasi untuk generasi yang akan tiba,
Semangat perpaduan tidak akan pernah sirna,
Bersama kita melangkah menuju cita yang mulia.



SYAIR CINTA UNTUK PERPADUAN

Oleh: Mohamad Amirul Fahmi bin Yusaffandy

Di tanah air yang subur,
Berbunga kasih, wangi dan damai,
Bersatu kita, padu dan lurus,
Membina harapan, masa depan yang cerah.

Ragam budaya, warna warni,
Berkongsi cerita, menjalin rasa,
Bersama kita, seiring berdiri,
Menjunjung tinggi, cita-cita murni.

Setiap perbezaan, harta berharga,
Mengukir sejarah, generasi hebat,
Pelangi yang indah, ciptaan kita,
Bersatu dalam satu, berjiwa bermatlamat.

Bila derita datang menggempur,
Kita berdiri, saling menjulang,
Berkat kasih sayang, kita bertahan,
Perpaduan kita, perisai terhebat.

Dari utara ke selatan,
Hingga timur menjengah ke barat,
Kita berjanji, takkan terpisah,
Perpaduan kita, cinta tiada habis.



SYAIR PERPADUAN WARISAN BERHARGA
Oleh: Mohamad Amirul Fahmi bin Yusaffandy

Di bumi Malaysia, kita bersatu,
Beraneka bangsa, bersatu hati,
Satu tujuan, satu harapan,
Perpaduan terjalin, harmoni di sanubari.

Lihatlah kita, pelbagai warna,
Berkongsi budaya, adat dan bahasa,
Tiada yang rendah, tiada yang hina,
Dalam perbezaan, kita bersama.

Kasih sayang yang abadi,
Menjadi tonggak, kekuatan kita,
Satu suara, satu jiwa,
Menembus batas, menyatukan rasa.

Di tengah cabaran, kita bertahan,
Menggenggam harapan, bersama perjuangan,
Perpaduan kukuh, jalinan terjamin,
Membawa kita ke arah gemilang.

Dengan senyuman, kita bersua,
Menjalin persahabatan, menambah cinta,
Kita adalah satu, tidak terpisah,
Perpaduan indah, warisan berharga.



SYAIR PERPADUAN

Oleh: Nurul Sakinah Aishah binti Razak

Di bumi Malaysia, kita bersatu,
Beraneka kaum, satu cita,
Dalam pelukan kasih, tiada henti,
Perpaduan kita, terjalin abadi.

Satu suara, bersemangat membara,
Bersama kita, melawan badai,
Mengukir sejarah, berani bermimpi,
Kita jaga aman, kita pelihara.

Berbeza bahasa, namun satu jiwa,
Di bawah langit biru, kita merangka,
Tardisi beraneka, dihayati semua,
Menjadi jambatan, tiada bertepi.

Di tengah kesukaran, kita bertahan,
Membina harapan, tiada terpendam,
Setiap senyuman, sinar menyala,
Perpaduan ini, permata negara.

Melangkah maju, kita bergandingan,
Mewujudkan impian, tanpa sekatan,
Dalam satu hati, satu perjalanan,
Perpaduan kita, kekuatan yang nyata.



SYAIR PERPADUAN GEMILANG

Oleh: Nurul Sakinah Aishah binti Razak

Dalam debaran waktu, kita terikat,
Pelbagai wajah, namun satu jiwa,
Bersama kita meniti titian harapan,
Perpaduan gemilang, benteng kita bersama.

Di pangkuan tanah air yang tercinta,
Berbilang warna, namun satu suara,
Harmoni bergetar dalam setiap langkah,
Sejarah kita ukir, tiada terlerai darinya.

Setiap budi pekerti, pelangi bersemu,
Kita titipkan kasih, di setiap ruang,
Dalam jalinan budaya, kearifan bersatu,
Menjadi tonggak, kekuatan tanpa henti.

Bagaikan ombak, kita bergulung-gulung,
Menghancurkan dinding, mencipta damai,
Dalam cahaya mentari, harapan bersinar,
Perpaduan ini, surya yang takkan padam.

Di tengah cabaran, kita berdiri teguh,
Mengukir kejayaan, menyulam cita,
Masa depan cerah, langkah seiring,
Perpaduan kita, jiwa merdeka.

Kita, pahlawan tanpa jubah dan senjata,
Membina ikatan, cinta sejati,
Dalam pelukan kasih, tiada yang terasing,
Perpaduan ini, warisan abadi.



SYAIR JALIN PERPADUAN

Oleh: Nur El Ain binti Kamaruzaman

Salam diberi bertulis tinta,
Karangan syair luahan kata,
"Jalin Perpaduan" tajuk cerita,
Pelbagai kaum tanpa sengketa.

Tolong menolong saling membantu,
Bekerjasama matlamat satu,
Berganding bahu teguh bersatu,
Jalin muhibah erat sekutu.

Saling menghormati jiwa merdeka,
Santuni pemimpin usah derhaka,
Berbaik sangka elak petaka,
Tegas pendirian bukan boneka.

Sejunjung bak sirih serumpun bak serai,
Hidup harmoni usah bercerai,
Simpul ikatan jangan terlerai,
Perpaduan kukuh sama meterai.

Berbeza budaya, agama dan bangsa,
Rukun dan damai hidup selesa,
Tinggal di kota atau di desa,
Warga sejahtera aman sentosa.



SYAIR PERPADUAN KARYAWAN
Oleh: Andrian anak Jeffery

Di bumi bertuah, kita bersatu,
Karyawan kreatif, melangkah maju.
Berkarya bersama, tiada terhenti,
Mewujudkan impian, penuh visi.

Dari pelbagai latar, datang beraneka,
Setiap suara, jadi melodi indah.
Kepelbagaian, kekuatan kita,
Bersama mencipta, dunia yang ceria.

Kolaborasi ini, harta berharga,
Menggabung bakat, hasil luar biasa.
Dalam kerjasama, lahirkan ilham,
Membentuk jati diri, menggapai harapan.

Karya kita, cerminan jiwa,
Perpaduan menjadikan kita berharga.
Melangkah seiring, menuju kejayaan,
Karyawan hebat, bawa negara ke puncak kejayaan.

Dengan tekad dan semangat padu,
Setiap usaha, jadi nyata dan maju.
Bersatu kita, dalam misi mulia,
Mewujudkan Malaysia, yang sejahtera.



SYAIR NASIHAT KIASAN

Oleh: Alya Zulaikha binti Mahadzir

Negara kita pelbagai bangsa,
Berbeza pandangan perkara biasa,
Jangan dibiarkan menjadi bisa,
Hidup terancam sepanjang masa.

Hidup berjiran asas perpaduan,
Bergaul mesra bertukar fikiran,
Jadikan ia sebagai pedoman,
Hidup bahagia masa hadapan.

Berbeza budaya bukan halangan,
Jurang kecil dibesar jangan,
Kurangkan iri anjur rundingan,
Harmoni nusa kian berpanjangan.

Tegur menegur amalan terpuji,
Hindarkan segala amalan keji,
Jangan mencaci sesama sendiri,
Kelak hidup sentiasa dibenci.

Serulah semua agar bersatu,
Membina Malaysia biar bermutu,
Besar hasilnya sudahlah tentu,
Wawasan negara tercapai jitu.



SYAIR 1 MALAYSIA 1 PERPADUAN

Oleh: Emelia anak Husen

Hidup berjiran asas kesejahteraan,
Bertegur sapa sebagai saudara,
Perpaduan tunjang kemakmuran negara,
Hidup aman terhindar duka lara.

Hidup bekerjasama bawa muafakat,
Jadi simbolik hidup bermasyarakat,
Hidup berjiran haruslah sepakat,
Agar silaturahim sentiasa erat.

Sesama jiran saling hormati,
Hindari sikap pentingkan diri,
Agar hidup sentiasa diberkati,
Elakkan pergaduhan dan hasad dengki.

Dengarlah syairku wahai anak bangsa,
Walaupun berbeza budaya agama,
Biarpun berlainan adat bahasa,
Malaysia tetap utuh bersama.

Penutup tirai syairku ini,
Berharap perpaduan sentiasa dipertahan,
Agar Malaysiaku terus harmoni,
Terhindar dari kuasa jajahan.



SYAIR PERPADUAN

Oleh: Iman Asnawi bin Mustapa

Hidup manusia berbilang bangsa,
Berpada kita tiada terpisah,
Walau berbeza adat dan bahasa,
Satu hati menggapai arah.

Laksana bunga di taman sari,
Beraneka warna menawan mata,
Hidup bersama harmoni seri,
Tiada curiga, tiada sengketa.

Lautan luas tak dapat dipisah,
Begitu juga kasih sayang kita,
Teguh berdiri seumpama pasrah,
Menghadapi dugaan dengan setia.

Perpaduan itu asas negara,
Mengukuh bangsa, membina wira,
Selagi teguh di hati nurani,
Maju kita, bersatu harmoni.



SYAIR PERPADUAN

Oleh: Intan Nurul Syafiqah binti Muhammad Faisal

Berlayar peradaban di samudera waktu,
Dari gelapnya malam hingga fajar menyatu.
Dari tanah gersang hingga hijau ladang,
Jejak manusia terus berjuang.

Dari budi dan akal jadi cahaya,
Ilmu dicari, hidup sejahtera.

Beratus generasi mengukir sejarah,
Dengan kerja keras dan azam tak patah.
Benteng-benteng tinggi, candi nan megah,
Semua berbicara tentang kisah tabah.

Lalu waktu datang, membawa ujian,
Terkadang runtuh, terkadang bertahan.
Namun peradaban tak pernah lenyap,
Ia bangkit lagi dari abu yang gelap.

Wahai manusia, yang memegang tongkat
masa,
Jangan biar tamadun jatuh sia-sia.
Jagalah warisan dengan bijaksana,
Agar terus bersinar untuk selamanya.

Wahai pewaris zaman yang bijaksana,
Jangan lupa asal usul yang lama.
Tamadun ini warisan abadi,
Jaga dan pelihara dengan hati nurani.

Biar tamadun terus bersinar,
Di setiap zaman, di setiap pintar.
Kerana di situlah terletak kekuatan,
Dalam perpaduan dan kebijaksanaan.



SYAIR PERPADUAN

Oleh: Nurien Elly Elyana binti Azman

Berbilang bangsa berpadu erat,
Jiran tetangga harus sepakat,
Segala usaha biar muafakat,
Agar hidup menjadi berkat.

Tegur menegur amalan terpuji,
Hindarkan segala amalan keji,
Jangan mencaci sesama sendiri,
Kelak hidup sentiasa dibenci.

Hidup berjiran asas perpaduan,
Bergaul mesra bertukar fikiran,
Jadikan ia sebagai pedoman,
Hidup bahagia masa hadapan.

Bersama-sama jagai keamanan,
Saling memahami sesama jiran,
Elakkan perpecahan dan persengketaan,
Supaya hidup aman kesejahteraan.



SYAIR PERPADUAN

Oleh: Mohd Akmal bin Mohd Asri

Negara kita pelbagai bangsa,
Berbeza pandangan perkara biasa,
Jangan dibiarkan menjadi bisa,
Hidup terancam sepanjang masa.

Berbeza budaya bukan halangan,
Jurang kecil dibesar jangan,
Kurangkan iri anjur rundingan,
Harmoni nusa kian berpanjangan.

Kepada orang hendaklah hormat,
Hendak menegur hendaklah cermat,
Bersatu padu itu matlamat,
Jangan dinyala dendam kesumat.

Semua tak boleh mementingkan diri,
Berjuang untuk kaum sendiri,
Sejarah lama harus susuri,
Insaf hakikat sedarlah diri.



SYAIR JALINAN EMAS, TERAS KEJAYAAN

Oleh: Najmi Haziq bin Johari

MADANI kita nusa tercinta,
Pelbagai kaum dan juga bangsa,
Aman sentosa hidup bersama,
Berkasih sayang sesama kita.

Namun semua kian menghilang,
Semua mula menunjuk belang,
Sengketa lama menjadi dalang,
Nasib yang baik berubah malang.

Setiap insan tidak sempurna,
Jauh ditanding bulan purnama,
Berbuat salah itu biasa,
Sukar maafkan kan rugi saja.

Ayuh semua tamat sengketa,
Barang yang lepas biarkan saja,
Maafkan jua dendam yang ada,
Perbalahan tiada berpadu bangsa.

Jalin hubungan tegur sentiasa,
Ukirlah senyuman bila berjumpa,
Lapangkan dada terima semua,
Tiada beza kita manusia.

Yang dulu keruh kian kan jernih,
Bagaikan baru menyemai benih,
Jadilah manusia saling berkasih,
Retak yang lama kembali pulih.

Harmoni hidup bakal dirasa,
Jikalau kita saling menjaga,
Bangkit semula malaysia tercinta,
Kenanglah jasa pejuang negara.



SYAIR RUKUN SEJAGAT

Oleh: Muhammad Nazif Adli bin Mohd Ghazali

Tanah keramat warisan tercinta,
Rakyat jelata berbilang bangsa,
Bersatu semua demi negara,
Luntur segenap angkara nila.

Sikap membanding terjadi jua,
Bukankah kita semua sama,
Berbeza kulit dan juga rupa,
Bukan penghalang tinggal bersama.

Mengapa masih berpecah belah,
Janganlah asyik mencari salah,
Itulah punca selalu berbalah,
Bertolak ansur tolong beralah.

Hormat semua usah berkira,
Memilih kasih elak sentiasa,
Harus disayang samalah rata,
Anggap sahaja kita keluarga.

Mari anakanda saling berpesan,
Lahirkan cinta sesama insan,
Dituntut juga lembutkan lisan,
Sebelum bahagia jadi tangisan.

Kukuhlah kita jika bersama,
Aman sentosa tenanglah sukma,
MADANI juga makin bahagia,
Tiada sengketa bertambah mesra.



SYAIR PERPADUAN

Oleh: Nurul Izzah Izyan binti Zafuan

Berbilang bangsa berpadu erat,
Jiran tetangga harus sepakat,
Segala usaha biar muafakat,
Agar hidup menjadi berkat.

Tegur menegur amalan terpuji,
Hindarkan segala amalan keji,
Jangan mencaci sesama sendiri,
Kelak hidup sentiasa dibenci.

Hidup berjiran asas perpaduan,
Bergaul mesra bertukar fikiran,
Jadikan ia sebagai pedoman,
Hidup bahagia masa hadapan.

Bersama-sama jagai keamanan,
Saling memahami sesama jiran,
Elakkan perpecahan dan persengketaan,
Supaya hidup aman kesejahteraan.



SYAIR PERPADUAN

Oleh: Siti Hajar binti Zakaria

Negara Malaysia pelbagai bangsa,
Bertingkah pandangan sudah biasa,
Usah biarkan di makan masa,
Kelak melarat menjadi bisa.

Rakyat Malaysia berbilang budaya,
Adat ketimuran masih diperkaya,
Bersatu hati sedaya upaya,
Supaya negara terhindar bahaya.

Hendaklah luhur bersatu hati,
Bukan mengharap balasan nanti,
Kita tekadkan untuk berbakti,
Membentuk bangsa perpaduan sejati.

Anak warisan nadi perjuangan,
Dididik mencari kegemilangan,
Nadi perpaduan dilupa jangan,
Supaya negara harmoni berpanjangan.



SYAIR PERPADUAN

Oleh: Muhammad Fazli bin Radzuan

Perpaduan asas negara,
Menyatukan rakyat tanpa sengketa,
Dari pelbagai bangsa bersama,
Hidup harmoni aman sejatera.

Bersatu teguh bercerai roboh,
Semangat muafakat jangan goyah,
Berpegang teguh pada maruah,
Membina negara, tiada yang mewah.

Melangkah maju dengan sepakat,
Menghindar jasad, iri diingat,
Perpaduan kunci kemakmuran rakyat,
Malaysia makmur, sejahtera dekat.

Junjung nilai kasih dan hormat,
Tidak kira bangsa, tidak kira adat,
Bersama kita bina tempat,
Negara tercinta, teguh berkat.



SYAIR PERPADUAN

Oleh: Raja Muhamad Khairuddin bin Raja Ismail

Aku Melayu anak Malaysia,
Lahir di bumi yang kaya raya,
Bertuah sungguh rasa di jiwa,
Hidupku senang tiada sengsara.

Berbilang kaum bersatu-padu,
Islam dan Buddha mahupun,
Hindu, hitam dan putih atau kelabu,
Boleh berpakat mampu bersatu.

Darilah Perlis hingga ke Johor,
Sabah Sarawak sama tersohor,
Bumi Malaysia sudahlah mayhur,
Rakyat peramah berbudi luhur.

Satu dunia inginku laung,
Langit Malaysia aku bernaung,
Bangga berbakti nama dijunjung,
Negara tercinta yang kusanjung.

Malaysiaku ini amat kucinta,
Tempat lahirku membina cita,
Teruslah aman itu kupinta,
Bahagialah hidup sesama kita.



SYAIR PERPADUAN

Oleh: Muhammad Imran Fathi bin Azman

Di tanah air kita berdiri teguh,
Berbagi bangsa, satu tujuan,
Bersama kita bina, negara yang kukuh,
Tiada perpecahan, hanya persatuan.

Dalam kepelbagaian, kita temui kekuatan,
Bersama melangkah, menuju kejayaan,
Perpaduan kita, tiada tandingan.
Membawa Malaysia, ke puncak gemilang.

Hati bersatu, tiada perbezaan,
Menggapai impian, bersama kita tempuhi,
Tiada lagi sengketa, hanya cinta sejati,
Menyemai kasih, menyubur harmoni.

Di bawah langit yang sama, kita berdiri,
Mengukir sejarah, dengan perpaduan,
Bangkitlah kita, demi masa depan,
Perpaduan kita, kekal abadi.



SYAIR PERAHU

Oleh: Nurdinah binti Said Mohd

Inilah gerangan suatu madah,
Mengarangkan syair terlalu indah,
Membetuli jalan tempat berpindah,
Di sanalah i'tikat diperbetuli sudah

Wahai muda kenali dirimu,
Ialah perahu tamsil tubuhmu,
Tiadalah berapa lama hidupmu,
Ke akhirat jua kekal diammu.

Hai muda arif-budiman,
Hasilkan kemudi dengan pedoman,
Alat perahumu jua kerjakan,
Itulah jalan membetuli insan.

Perteguh jua alat perahumu,
Hasilkan bekal air dan kayu,
Dayung pengasuh taruh di situ,
Supaya laju perahumu itu.



SYAIR KEJAYAAN DALAM KEBERSAMAAN
Oleh: Sritharan a/l Agilan

Di tengah padang pelangi bersinar,
Setiap warna bercerita penuh,
Dalam pelukan kasih yang kukuh,
Perpaduan kita tiada terpisah.

Mereka datang dari jauh dan dekat,
Langkah-langkah kita bersama menari,
Di bawah langit kita bersatu hati,
Berkongsi mimpi harapan yang nyata.

Hujan dan matahari berpelukan,
Menciptakan pelangi setelah badai,
Perbezaan jadi indah dan berseri,
Satu suara dan satu jiwa berani.

Sejarah kita dilakar bersama,
Dari pelangi cerita dan rasa,
Menjadi asas di bumi tercinta,
Perpaduan kita harta yang berharga.

Langkah berani membina masa depan,
Bersama kita hadapi segala cabaran,
Dengan ikatan kasih kita teguh,
Bangkit bersatu mencipta kejayaan.

Marilah kita eratkan jalinan,
Walau berbeza tetap satu tujuan,
Dalam pelukan kasih tiada ragu,
Perpaduan kita kekal selamanya.



SYAIR HATI MURNI

Oleh: Muhammad Erfan bin Mohd Azlan

Dalam sunyi malam, terukir cerita,
Langkah beriring, meski berbeza rasa,
Aliran budaya, satu irama,
Di bumi ini, kita bertahta.

Burung-burung terbang, sayap beraneka,
Menari di angkasa, tanpa rasa takut,
Tak ada yang terasing, tak ada yang kalah,
Perpaduan indah, dalam pelukan waktu.

Suara riuh, melodi menyatu,
Setiap nada, jadi satu lagu,
Kita bersatu, tiada yang terpisah,
Membangun masa depan, dalam satu nada.

Satu tujuan, satu harapan,
Di tengah perbedaan, kita bersinar,
Mencipta harmoni, tangan bersilang,
Perpaduan abadi, kasih tak bertepi.



SYAIR SEMANGAT BERSATU

Oleh: Nur Aleesa binti Azize

Bersatu padu kita berdiri,
Menjunjung aman dalam harmoni,
Berbeza bangsa tidak terperi,
Tetap bersama, tiada yang iri.

Laut luas beralun damai,
Pelbagai kaum hidup teramai,
Berpada kasih tanpa beramai,
Membangun negara, hati bertamai.

Bahasa kita walau berlainan,
Tetap satu dalam perbincangan,
Rukun dijaga, adat perpaduan,
Menjadi tonggak dalam perjuangan.

Bersama kita mencipta jalan,
Menuju masa depan gemilang,
Toleransi jadi pegangan,
Bersama hati, terus terang.

Negeri Makmur tiada bergoyang,
Jika rakyat saling mendukung,
Berbeza warna, berbeza bayang,
Namun tetap aman tiada murung.

Tiada yang besar, tiada yang kecil,
Semua sama di bawah naungan,
Saling hormat, hidup terpencil,
Bersama maju tanpa gangguan.
Semangat waja sentiasa dijulang,
Walau diuji badai mendatang,
Perpaduan ini terus gemilang,
Untuk negara yang terus berkembang.

Mari bersama kukuh berdiri,
Menjunjung aman penuh harmoni,
Kerana perpaduan tiada harmoni,
Kerana perpaduan tiada terperi,
Membangun negara hingga abadi.



SYAIR BERSATU DALAM KERAGAMAN

Oleh: Vesne Robby anak Chabok

Di bumi kita berpijak, berbeza namun satu,
Pelbagai budaya, mengisi setiap ruang.
Dalam perbezaan, kita temui keindahan,
Harmoni bernaung, membawa kedamaian.

Menyulam kasih, eratkan persahabatan,
Satu visi, satu suara, kita capai impian.
Walau berlainan, tidak pernah terasing,
Perpaduan ini, jiwa yang menyatu.

Saling menghormati, buka lembaran baru,
Bersama kita berlayar, menempuh badai yang melulu.
Dari suku dan bangsa, kita raih kejayaan,
Berpadu dalam usaha, membina kebangkitan.

Cahaya perpaduan, sinar dalam kegelapan,
Mewarnai perjalanan, tanpa sebarang kepayahan.
Tiada yang lebih berharga, dari rasa bersatu,
Menggenggam tangan, kita teruskan langkah maju.

Mari kita jaga, harta yang berharga,
Perpaduan ini, kekuatan kita bersama.
Dalam senyuman dan tawa, kita sambut hari,
Bersatu dalam keragaman, menuju masa depan yang cerah.



SYAIR TANAH AIR TERINDAH
Oleh: Nor Asy Shifa binti Othman

Perpaduan rakyat terus subur,
Mengharum bak mawar mewangi,
Walau diuji seribu cabaran,
Tanah air ini tetap disayangi.

Suku dan kaum bersatulah padu,
Tiada perpecahan, tiada sengketa,
Dengan cinta kepada negara,
Bersama kita mencipta cerita.

Malaysia indah penuhlah berkat,
Dibina atas dasar perpaduan,
Setiap warga teguh berdiri,
Pertahankan negara dengan pengorbanan.

Semangat kita bak api menyala,
Untuk tanah air tercinta ini,
Dengan jiwa kita pertahankan,
Hingga nyawa tercurah pergi.

Marilah kita terus bersatu,
Membangun negara yang cemerlang,
Dengan ikrar kesetiaan abadi,
Malaysia teguh, makmur gemilang.



SYAIR PERPADUAN

Oleh: Afdal Hazim bin Kamarul Azman

Negara kita pelbagai bangsa,
Berbeza pandangan perkara biasa,
Jangan dibiarkan menjadi bisa,
Hidup terancam sepanjang masa.

Berbeza budaya bukan halangan,
Jurang kecil dibesar jangan,
Kurangkan iri anjur rundingan,
Harmoni nusa kian berpanjangan.

Bersatu padu tiada pilihan,
Jika semua mahu bertahan,
Bersikap degil cetus bantahan,
Hubungan rapuh punca kelemahan.

Hendaklah ikhlas bersatu hati,
Bukan mengharap pulangan nanti,
Bangsa yang kuat itu yang pasti,
Persada dunia orang hormati.



SYAIR PERPADUAN MASYARAKAT

Oleh: Ahmad Kamarul Fitri Hanan bin Mehat

Berbilang bangsa berpadu erat,
Jiran tetangga harus sepakat,
Segala usaha biar muafakat,
Agar hidup menjadi berkat.

Tegur menegur amalan terpuji,
Hindarkan segala amalan keji,
Jangan mencaci sesama sendiri,
Kelak hidup sentiasa dibenci.

Hidup berjiran asas perpaduan,
Bergaul mesra bertukar ukiran,
Jadikan ia sebagai pedoman,
Hidup bahagia masa hadapan.

Bersama-sama jagai keamanan,
Saling memahami sesama jiran,
Elakkan perpecahan dan persengketaan,
Supaya hidup aman kesejahteraan.



SYAIR RENJANA PERPADUAN
Oleh: Bibi Nur Allya Maisara binti Hasnu

Tasik di hujung hutan sepi,
Mengalir air dingin pagi hari,
Bangsa bermaruah bersatu hati,
Membawa negara menggapai mimpi,

Harapan dunia rakyat bersatu,
Agar kejayaan mampu diteraju,
Beribu jiwa menjadi satu,
Kaum berbeza tujuannya satu.

Semangat bersaudara jadi kunci,
Menggapai jaya dalam harmoni,
Menepis sengketa perosak bumi,
Menegakkan ukhuwah yang rapi.

Dalam bergolak atau berombak,
Atma rakyat jangan berganjak,
Mengambil segala langkah bijak,
Zaman keemasan takkan tersisak.

Tanah ini warkah warisan,
Hikayat jangan sampai terabaikan,
Jaga pusaka terlelap jangan,
Bersatu teguh tanpa penjarakan.

Berbilang kaum bersatu sanubari,
Membangun suaka bertuah ini,
Teguh ikatan bersaudara suci,
Bersama melangkah menabur bakti.

Perpaduan itu bukti kekuatan,
Dalam merentas ombak zaman,
Kemegahan harus bak pahlawan,
Agar negara menghirup kejayaan

Permusuhan rakyat kita hindari,
Kebersamaan jiwa kita nanti,
Memahat cinta di bumi pertiwi,
Perpaduan kaum usah diakhiri.



SYAIR SERI PERPADUAN

Oleh: Bibi Nur Allya Maisara binti Hasnu

Hikayat ini beta karangkan,
Perpaduan kaum hamba harapkan,
Mekar dibalik kata kesepaduan,
Kebersamaan rakyat di perjuangkan,

Hidup rukun ramah tanpa sengketa,
Berbicara tanpa berpaling muka,
Indah tersusun hubungan bersama,
Maju negara sentiasa merdeka.

Dinihari menjenguk dinginnya hari,
Terbit mentari indah berseri,
Rakyat berganding memegang mimpi,
Membina harmoni yang abadi.

Harta negara adalah perpaduan,
Hilang toleransi hancur pertemanan,
Masyarakat seiring dan sejalan,
Memahat teguh paku kebersamaan.

Menari-nari pepohon di pantai,
Segala madah telah terungkai,
Riwayat perpaduan telah termetrai,
Kejayaan negara bakal dirangkai.

Puspa melati indah sekali,
Semerbak riang sungguh wangi,
Dalam memelihara bumi pertiwi,
Perpaduan insani haruslah rapi.

Ringkikan unggas kita dengari,
Rahmat tuhan kita nikmati,
Mengarang misi dan visi,
Dalam membina erti kualiti.



SYAIR PERPADUAN BANGSA

Oleh: Nur Yasmin Nafisha binti Abdullah

Berpadu bangsa di tanah bertuah,
Berbeza rupa namun tak goyah,
Bersama-sama kita berpayah,
Membangun negara hingga megah.

Hidup harmoni penuh muafakat,
Saling hormat, saling berkat,
Tiada benci, tiada dengki tersemat,
Cinta dan kasih menjadi azimat.

Berbeza budaya, bahasa, dan adat,
Namun bersatu dalam hasrat,
Membangun negara dengan niat,
Untuk masa depan yang penuh berkat.

Perpaduan itu nadi negara,
Menyatukan jiwa dari semua bangsa,
Tiada yang lemah, tiada yang lara,
Bersama berjuang, teguh sentosa.

Jangan biarkan perpecahan berlaku,
Di bumi ini kita bersatu,
Hati berpadu, jiwa bersatu,
Membawa negara ke arah maju.

Marilah kita genggam erat,
Persaudaraan ini biar terikat,
Hingga ke akhir hayat berpaut rapat,
Selamanya aman di bawah langit lebat.

Bangunlah bangsa, bangunlah jiwa,
Dengan perpaduan, kita berjaya,
Maju bersama dalam satu suara,
Negara sejahtera selamanya.



SYAIR SATU BANGSA SATU PERTIWI

Oleh: Zafirah Zulaikha binti Zaidan

Di lembah berzikir, tanah bertuah nan subur,
Tercipta lukisan beraneka warna, satu perpaduan,
Dari puncak gunung yang megah hingga lautan biru,
Kita bersatu dalam satu suara, satu nadi, satu harapan.

Di sinar fajar pagi, kita berjanji murni,
Hidup bersama dalam kemilau pelbagai budaya,
Melayu, Cina, India bagaikan pelangi yang bersatu,
Meresap dalam sukma, mengukir sejarah abadi.

Di lorong-lorong yang riuh, di desa yang sunyi,
Kita menyulam kasih dalam setiap detik kehidupan,
Satu bangsa yang berpegang pada cita yang sama,
Menyulam ikatan dalam setiap bait doa.

Di medan pasar yang sibuk, di malam yang tenang,
Kita meniti kasih, melangkah dalam harmoni,
Menganyam tali persahabatan yang tiada putus,
Menjunjung tinggi nilai, memuliakan adat resam.

Dalam keindahan ragam, kita bertaut erat,
Mengukir nama dalam kamus zaman,
Menyemai cinta dalam setiap pelusuk negara,
Satu jiwa, satu cita, untuk masa depan gemilang.

Di bawah bintang yang berkelipan, kita berdoa,
Agar persaudaraan ini kekal abadi,
Melangkah bersama dalam sepi dan riuh,
Memelihara amanah yang suci, tiada ternilai.



KARYA PERTANDINGAN PENULISAN PUISI YANG TERPILIH

Syair

Sempena

PROGRAM SANGGAR PUISI PERPADUAN 2024:
PERPADUAN DIRAI, BAHASA DISANTUNI



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

e-ISBN 978-967-931-394-9



9 789679 313949